

## BAB 3

### KONFUSIANISME DAN NILAI ETIKA KEKELUARGAAN CINA

Konfusianisme dalam bahasa Cina ialah *Rujia* 儒家. Jika dilihat dua perkataan Cina itu, ia membawa erti “Sekolah Cendekiawan” (*The School of Scholars*) (Martin Lu, 1983: 1). Pengasas *Rujia* ialah Konfusius iaitu Kongzi 孔子 (551-479 SM).<sup>37</sup> Kongzi, seorang ahli falsafah Cina yang terkenal di mana pemikirannya yang menekankan konsep perikemanusiaan (*ren*) dan konsep tatasusila (*li*) telah memberi pengaruh yang tidak terhingga kepada masyarakat Cina (Xie Xianghao & Liu Zongxian, 1994: 35-43).

<sup>37</sup> Konfusius dilahirkan di negeri Lu (dalam wilayah Shandong 山东 hari ini), beliau dikatakan sebagai keturunan kepada golongan bangsawan negeri Song. Neneh moyang Konfusius telah melarikan diri ke negeri Lu untuk mengelakkan diri daripada musuh mereka.

Konfusius telah kematian bapanya sejak usia tiga tahun lagi. Ibu Konfusius membesarinya dengan cara pendidikan yang tegas dan meninggal dunia apabila Konfusius mencapai usia 16 atau 17 tahun. Untuk menyara kehidupan, Konfusius pernah bekerja sebagai pegawai kecil menjaga stor, penjaga binatang ternakan dan sebagainya. Akan tetapi, pada malam hari, Konfusius kuat belajar untuk memahiri kitab-kitab klasik: “At 15, his dream was to become a scholar. Consequently, he spent the next years learning everything he could. While working as a clerk in the memorial temple of the Duke of Zhou, Confucius attended all the religious rituals and inquired about every detail of the ceremonies. He eventually became an expert in ancient religious practices and had many disciples.” (Evelyn Lip, 1986: 40) Jelasnya, Konfusius amat berkenan dengan pembelajaran adat dan tatasusila (*li*) kerana baginya, adat itu amat penting sekali untuk membolehkan seseorang berdiri teguh dalam masyarakat (不学礼，无以立。) (*Lunyu*: 16.13).

Apabila dewasa, cita-cita Konfusius ialah memasuki arena politik. Beliau berkeyakinan bahawa pemikiran politiknya yang berasaskan moral (*dé* 德) (*weizheng yi dé* 为政以德) (*Lunyu*: 2.1) dapat menyelamatkan negara China, akan tetapi, beliau gagal mencapai citacitanya: “In 502 B.C., Confucius was the Secretary of Justice (one of the six highest ranking officials), but his ideals could not be fulfilled and he resigned from the post. After travelling for 14 years, he retired and devoted himself to editing the five classics.” (Evelyn Lip, 1986: 40)

Konfusius mencapai kejayaan besar dalam bidang pendidikan. Konfusius terkenal dengan caranya dalam memberi pendidikan kepada seseorang tanpa melihat latar belakang dan status sosial mereka (*youjiao wulei* 有教无类) (*Lunyu*: 15.39). Akhirnya, beliau diberi anugerah “teladan guru untuk berpuluhan-puluhan ribu abad” (*wanshi shibiao* 万世师表) atas usahanya melahirkan orang-orang mulia yang berbakat (Jin Jingfang, Lu Shaogang & Lu Wenyu, 1991: 28-103).

Menurut Tu Wei Ming (Du Weiming 杜维明), seorang pakar penyelidik Konfusianisme, Konfusianisme ialah satu sistem falsafah hidup di mana nilai-nilai etikanya diutamakan untuk dijadikan pedoman hidup bagi membentuk akhlak yang sempurna dalam diri seseorang (Tu Wei Ming, 1996: 50).

Jin Yaoji 金耀基 (1993: 1) memandang Konfusianisme sebagai satu sistem pemikiran yang memberi tumpuan dalam meninjau dunia yang berpusatkan manusia. Dengan itu, pemahaman kita terhadap budaya Konfusianisme harus diletak pada semangat kemanusiaannya, kerana budaya Konfusianisme memberi penekanan kepada sifat semulajadi manusia, etika manusia, personaliti manusia, budaya manusia dan sebagainya. Oleh kerana penekanan Konfusianisme terletak pada diri seseorang manusia, maka Tu Wei Ming berpendapat Konfusianisme boleh dipandang sebagai satu bidang antropologi falsafah yang berkisar pada sistem perikemanusiaan (*ren*) demi membincang dan menyelesaikan masalah manusia (Lu Lianzhang, 1993: 295-296).

Kenyataan-kenyataan yang dibuat di atas memang ada kebenarannya kerana jika dibanding dengan sistem-sistem falsafah yang lain seperti falsafah Kristian, falsafah Taoisme dan lain-lain lagi, pemikiran Konfusianisme memperlihatkan satu ciri yang amat berlainan, iaitu ia tidak banyak membincang tentang hal-hal tuhan, hantu atau roh: “*Confucius refused to discuss the spirit world, advising only to sacrifice to the spirits ‘as if they were there’*” (Hugh B. O'Neill, 1987: 71); sebaliknya, perhatian yang mendalam diberi pada hal-hal dunia ini (*this-worldly*), iaitu realiti kehidupan manusia dalam dunia ini dan bukannya dunia lain (*not other-worldly*).

### 3.1 Perkembangan Sejarah Konfusianisme

Perkataan “儒” (*Ru*) daripada “儒 家” (*Rujia* iaitu Konfusianisme) sebenarnya merujuk ahli-ahli Konfusian (*the Confucianists*) (Martin Lu, 1983: 1). Masa munculnya perkataan *Ru* yang paling awal ialah pada sekitar tahap akhir zaman Chunqiu 春秋 (Zaman Musim Bunga dan Musim Luruh) (770-476 SM) (Xie Xianghao & Liu Zongxian, 1994: 17-18). Sebelum pembentukan sistem pemikiran Konfusianisme, iaitu pada dinasti Yin-Shang 殷 商 (1766-1122 SM), golongan *Ru* ini telah wujud (Cai Fanglu, 1995: 7).

Martin Lu (1983: 1) menjelaskan hal di atas dalam dua teori. Pertamanya, *Ru* ialah keturunan orang Shang. Pada abad ke-12 SM, dinasti Shang telah dijatuhkan oleh dinasti Zhou 周 (1122-221 SM). Kekalahan orang Shang menyebabkan mereka terpaksa mencari jalan baru untuk mendapatkan nafkah hidup. Dalam keadaan ini, ramai daripada mereka muncul sebagai pembantu dalam upacara-upacara pengorbanan, pengebumian, perkahwinan dan sebagainya. Orang-orang inilah yang dikenali sebagai golongan *Ru*.

Teori kedua pula memegang pendapat bahawa *Ru* ialah ahli-ahli keluarga bangsawan dinasti Zhou yang telah jatuh pangkat atau hilang jawatan akibat daripada keruntuhan sistem feudal zaman itu. Golongan ini terpaksa menggunakan pengetahuan klasik mereka dalam bidang adat dan tatasusila untuk mencari kehidupan baru.

Berdasarkan huraian di atas, kita boleh rumuskan bahawa *Ru* bukan orang sebarang, mereka ialah orang penting dalam masyarakat. Mereka dipandang tinggi kerana kemahiran mereka dalam hal-hal adat masyarakat.

Pada zaman Konfusius, negara China berada dalam keadaan huru-hara. Masalah “keruntuhan adat” dan “kemerosotan akhlak” amat membimbangkan di mana berlakunya hal-hal “menteri membunuh raja” dan “anak membunuh bapa” (臣杀其君者有之，子杀其父者有之。) (*Mengzi*: 6.9). Konfusius cuba cari jalan penyelesaiannya dengan mendirikan suatu sistem pemikiran yang berdasarkan etika manusia demi menyelamatkan negara China masa itu.

Konfusius amat menyanjung tinggi kepada sistem adat yang diasaskan oleh orang-orang Zhou (周礼) sebelum zamannya. Berdasarkan sistem adat yang sedia ada ini, Konfusius memperkenalkan nilai etika perikemanusiaan (*ren*) untuk memberi semangat baru kepada adat dan tatasusila (*li*) yang makin dipandang ringan oleh orang-orang sezamannya.<sup>38</sup> Konsep perikemanusiaan (*ren*) ini akhirnya diperluas dan diperkembangkan menjadi satu nilai etika yang kompleks merangkumi kesemua nilai etika yang lain, seperti nilai ketaatan (*zhong* 忠), nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa, nilai kepercayaan (*xin*), nilai keberanian (*yong* 勇) dan sebagainya.

Selepas Konfusius, “ahli-ahli Konfusian” merujuk kepada mereka yang sealiran ideologi dalam pemikiran Konfusianisme seperti berikut:

“Subjectively he must be willing to identify his ideology with Confucianism; objectively he must at least share the basic tenets and doctrines of Confucianism even if some of his interpretations prove to be original.” (Martin Lu, 1983: 7)

<sup>38</sup> “Confucius taught that the early period of the Chou dynasty (Western Chou, 1122-771 B.C.) was a golden age, and that to restore such a golden age it was necessary for the feudal leaders of his time to observe *li*, sometimes translated as ‘rites’, and to practice *jen* [*ren*], or ‘benevolence’ . . .” (Hugh B. O’Neill, 1987: 70-71)

Seterusnya, dipaparkan tokoh-tokoh utama pemikiran Konfusianisme bersama ideologi mereka mengikut kronologi. Pada zaman Zhanguo 战国 (Zaman Negara-negara Berperang) (475-221 SM), Mengzi 孟子 (kira-kira [kk] 372-289 SM), seorang tokoh Konfusianisme selepas Konfusius memperkembangkan lagi konsep perikemanusiaan (*ren*) Konfusius (Huang Junjie, 1993: 4). Bagi Mengzi, pemerintahan sesebuah negara harus berasaskan konsep perikemanusiaan (*ren*), iaitu pemerintahan yang penuh dengan belas kasihan, bersimpati dan berperikemanusiaan.

Di samping itu, Mengzi mengemukakan teori bahawa "sifat semulajadi manusia adalah baik". Ia adalah berlawanan dengan pandangan Xunzi 荀子 (kk 315-228 SM). Xunzi ialah tokoh Konfusianisme yang memegang teori bahawa "sifat semulajadi manusia adalah jahat", dan hanya adat dan tatasusila (*li*) boleh mengatasinya untuk mencapai keamanan masyarakat (Wang Zhonglin, 1991: 6-8).

Semasa dinasti Han pula, Konfusianisme di bawah pengiktirafan Han Wu Ti dijadikan ideologi rasmi negara China. Dong Zhongshu 董仲舒 (179-104 SM) merupakan tokoh penting dalam zaman ini. Beliau memperkenalkan konsep Tiga Prinsip Kardinal dalam *Chunqiu Fanlu* 春秋繁露 (Kitab Perihal Zaman Chunqiu) kepada khalayak ramai (Cai Fanglu, 1986: 127-133). Konsep Tiga Prinsip Kardinal yang menekankan keunggulan pemerintah, bapa dan suami kemudiannya diperkembangkan secara pesatnya oleh pemikir-pemikir Konfusianisme dinasti Song.

Pemikiran Taoisme dan Buddhisme menjadi masyhur selepas kejatuhan dinasti Han. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti pemikiran Konfusianisme telah lenyap. Pemikiran Konfusianisme kekal sebagai teras kepada budaya Cina (Cai Fanglu, 1995: 18) dan pemerintahan politik di negara China tetap berasaskan pemikiran Konfusianisme (Xie Xianghao & Liu Zongxian, 1994: 363 & 404-405).

Sungguhpun demikian, pemikiran Konfusianisme menghadapi ancaman yang kuat apabila negara China didominasikan oleh pemikiran Taoisme dan Buddhisme bagi suatu tempoh yang panjang pada dinasti Wei 魏朝 (220-265), dinasti Jin 晋朝 (265-420), dinasti Selatan dan Utara 南北朝 (420-581) dan dinasti Sui 隋朝 (581-618) (Zhang Qizhi, 1993: 266-272). Ekorannya, dalam dinasti Tang 唐朝 (618-907), satu gerakan memulihkan pemikiran Konfusianisme dijalankan secara besar-besaran oleh Han Yu 韩愈 (768-824) dan Li Ao 李翱 (772-841) untuk menghidupkan kembali semangat Konfusianisme.

Pemikiran Konfusianisme diberi interpretasi yang baru semasa dinasti Song dan dikenali sebagai Neo Konfusianisme. Antara tokoh-tokoh pentingnya ialah "Lima Orang Mulia dinasti Song" (Martin Lu, 1983: 3) iaitu Zhou Dunyi 周敦颐 (1017-1073), Shaoyong 邵雍 (1011-1077), Zhang Zai 张载 (1020-1077), Cheng Hao 程颢 (1032-1085) dan Cheng Yi 程颐 (1033-1109) (Zhang Qizhi, 1993: 313-337). Doktrin-doktrin mereka mengenai Konfusianisme kemudiannya disintesiskan dalam falsafah Zhu Xi 朱熹 (1130-1200) (Xie Xianghao & Liu Zongxian, 1994: 570). Para ahli Neo Konfusianisme zaman ini menyusun sistem etika Konfusianisme supaya dapat menandingi pemikiran Buddhism (Xie Xianghao & Liu Zongxian, 1994: 591-593).

Zhu Xi merupakan tokoh terunggul bagi Pengajian Pendalilan (*Lixue* 理学 atau *The School of Principle*) manakala Lu Xiangshan 陆象山 (1139-1193) dari dinasti Song dan Wang Yangming 王阳明 (1472-1528) dari dinasti Ming 明朝 (1368-1644) pula mewakili aliran yang satu lagi, iaitu Pengajian Minda (*Xinxue* 心学 atau *The School of Mind*) (Martin Lu, 1983: 3). Dalam pada itu, Zhu Xi juga ialah orang yang bertanggungjawab dalam menduniawikan (*secularize*) pemikiran Konfusianisme. Cara yang digunakan oleh beliau ialah melalui pendidikan kepada orang ramai (Zhuang Kongshao, 1996: 248)

Ringkasnya, zaman Neo Konfusianisme berlainan dengan zaman sebelumnya kerana ia lebih bersifat metafizik dan spekulatif akibat pengaruh kuat oleh pemikiran Taoisme dan Buddhisme. Walau bagaimanapun, sungguhpun dua aliran di atas masing-masing mengambil pendekatan yang berlainan dalam mengkaji falsafah Konfusianisme, tetapi doktrin-doktrin yang disarankan oleh mereka pada dasarnya adalah sama iaitu tidak lari daripada sistem perikemanusiaan (*ren*) Konfusianisme (Martin Lu, 1983: 3).

Dalam pada itu, ahli Neo Konfusianisme ini telah memperkembangkan teori Tiga Prinsip Kardinal dan Lima Etika Kebiasaan (*Wuchang* 五常) secara pesatnya. Tiga Prinsip Kardinal menekankan terutamanya kepada hubungan yang tidak setara antara pemerintah dengan menteri, ayah dengan anak serta suami dengan isteri. Lima Etika Kebiasaan pula merujuk nilai-nilai etika iaitu perikemanusiaan (*ren*), kewajaran (*yi*), tatasusila (*li*), kebijaksanaan (*zhì*) dan kepercayaan (*xin*) (仁义礼智信) yang menjadi panduan kebiasaan orang ramai.

Konsep Lima Etika Kebiasaan sebenarnya dibentuk berdasarkan pada empat permulaan yang baik yang disarankan oleh Mengzi. Empat permulaan yang baik ini merujuk kepada empat nilai etika asas iaitu nilai perikemanusiaan (*ren*), nilai kewajaran (*yi*), nilai tatasusila (*li*) dan nilai kebijaksanaan (*zhì*). Menurut pemikiran Mengzi, nilai-nilai ini dimiliki oleh hati manusia secara semulajadinya (仁义礼智根于心) (*Mengzi*: 13.21).

Empat Permulaan kemudiannya ditambah dengan nilai etika *xin* 信 dan membentuk Lima Etika Kebiasaan. *Xin* umumnya bererti kepercayaan, amanah, menurut janji dan boleh dipercayai. Ringkasnya, Lima Etika Kebiasaan harus dimiliki oleh setiap orang bagi memupuk personaliti diri yang baik. Dengan itu, gabungan Tiga

Prinsip Kardinal dan Lima Etika Kebiasaan penting bagi fahaman Konfusianisme kerana menurut pandangan Konfusianisme, setiap keluarga dapat diuruskan dengan baik jika konsep ini dipraktikkan dalam kehidupan harian ahli-ahli keluarganya.

Bermulanya dinasti Qing, maka bermulalah satu gerakan untuk menentang kecenderungan spekulatif pada dinasti sebelumnya. Gerakan ini mendapat semangat daripada tradisi dinasti Han di mana setiap penyelidikan harus berdasarkan buktinya (*Kaojuxue* 考据学). Pemikir yang berkaliber pada zaman ini ialah Wang Fuzhi 王夫之 (1619-1692), Yan Yuan 颜元 (1635-1704) dan Dai Zhen 戴震 (1724-1777) (Martin Lu, 1983: 3).

Kemudiannya, dari zaman berlakunya Perang Candu (1839-1842) sehingga ke Gerakan 4 Mei tahun 1919, tokoh-tokoh yang bertanggungjawab dalam mengembangkan pemikiran Konfusianisme pada zaman ini ialah Liao Ping 廖平 (1852-1932), Kang Yuwei 康有为 (1858-1927) dan Liang Qichao 梁启超 (1873-1929) (Lu Lianzhang, 1993: 161).

Menjelang Gerakan 4 Mei 1919 yang diketuai oleh siswa-siswi negara China, kewibawaan Konfusianisme diancam dengan hebatnya. “Jatuhkan Kedai Kung!” (打倒孔家店!) (Lin Anwu, 1996e: 93) merupakan seruan yang kuat, Konfusianisme dikritik, dikecam dan dikutuk sebagai pemikiran yang kolot dan mundur yang bertanggungjawab dalam menyekat kemajuan negara China.

Era Konfusianisme Baru (*New Confucianism* atau 当代新儒家) (Lin Anwu, 1996b: 19) dimulakan pada tahun 1920-an, iaitu selepas Gerakan 4 Mei 1919. Pada zaman ini, ahli-ahli akademik cuba mencari jalan baru bagi falsafah Konfusianisme (Song Dexuan, 1994: 13; Lu Lianzhang, 1993: 204). Tsai Jen-Hou (Cai Renhou 蔡仁

厚) telah membahagikan ahli-ahli Konfusianisme Baru ini kepada tiga kategori dalam menilai sumbangan mereka sejak beberapa dekad yang lalu (Jochim, 1997: 44).

Generasi pertama diwakili oleh Xiong Shili 熊十力 (1885-1968), Liang Shuming 梁漱溟 (1893-1988), Zhang Junmai 张君劢 (1887-1969) dan Ma Yifu 马一浮.<sup>39</sup> Generasi kedua pula diketuai oleh Tang Junyi 唐君毅 (1908-1978), Mou Zongsan 牟宗三 (1909-1995) dan Xu Fuguan 徐复观 (1903-1982). Tsai Jen-Hou juga menyatakan bahawa antara dua generasi ini muncul pula satu golongan yang lain yang diwakili oleh Qian Mu 钱穆 (1895-1990), Fang Dongmei 方东美 (1899-1977) dan Feng Youlan 冯友兰 (1895-1990).

Bagi generasi yang terkini, Tsai Jen-Hou memberi tumpuan pada pemikir-pemikir dari Taiwan. Ini termasuk beliau sendiri, Dai Lianzhang 戴连璋, Wang Bangxiong 王邦雄, Zeng Shaoxu 曾昭旭, Yang Zuhan 杨祖汉, Lin Anwu, Li Minghui 李明辉 dan lain-lain lagi. Selain itu, terdapat ahli-ahli pemikir Konfusianisme yang berpengaruh yang berada di luar Taiwan. Mereka ialah Liu Shuxian 刘述先, Tu Wei Ming dan Yu Yingshi.

Selain daripada tiga generasi di atas, terdapat satu lagi golongan lain yang muncul pada tahun-tahun 1980-an. Kumpulan ini terdiri daripada ahli-ahli sains sosial Taiwan. Mereka memberi penilaian positif terhadap warisan pusaka Konfusianisme dan kajian mereka mendapat perhatian umum dunia akademik. Hasil usaha kumpulan penyelidikan ini dipandang penting sebagai salah satu cabang perkembangan baru Konfusianisme berdasarkan sebab-sebab berikut:

---

<sup>39</sup> Lebih ramai penulis memasukkan He Lin 贺麟 (1902-1992) dalam generasi pertama dan bukannya Ma Yifu, rujuk daripada Song Dexuan, 1994: 83; Lu Lianzhang, 1993: 245; Lin Anwu, 1987: 76-77.

*"First, their writings have been influential, perhaps to an even greater degree than those of the Neo-Confucians, in the current re-evaluation of the worth of the Confucian heritage. Second, their interpretative choices determining which values and ideas are 'Confucian' have had a key role in shaping what people consider the Confucian tradition to be. Third, at least some of their writings contain actual efforts to interpret the messages of the Confucian classics." (Jochim, 1997 : 52)*

Ahli-ahli sains sosial yang digolongkan dalam kategori ini ialah: Huang Guangguo, Zheng Boxun 郑伯熏, Yang Guoshu, Zhang Desheng 张德胜, Hou Jiaju 侯家驹, Ye Minghui 叶明辉 dan lain-lain lagi. Secara dasarnya, mereka berpendirian bahawa sistem pegangan nilai orang Cina berasas kepada pemikiran Konfusianisme. Pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh mereka berdasarkan teori-teori sosiologi dan psikologi, dan kajian mereka sentiasa didampingi cara perhitungan statistik.

Jika dibanding dengan ahli-ahli Konfusianisme Baru, minat dan tumpuan mereka adalah berbeza:

*"They showed interest in the utilitarian results of the so-called 'Confucian value system' rather than in the soteriological worth of the Confucian path or the metaphysical truth of the Confucian cosmology." (Jochim, 1997: 54)*

Ini bererti mereka cenderung melakukan pengukuran nilai yang berkaitan dengan bidang sosial dan ekonomi, tetapi bukannya aspek-aspek moral metafizikal (道徳形上学) (Lin Anwu, 1996b: 3). Umumnya, mereka lebih menitikberatkan bagaimana nilai-nilai Konfusianisme boleh menyumbang kepada modenisasi.

Berdasarkan perkembangan sejarah di atas, kita dapat lihat bahawa pemikiran Konfusianisme didokong oleh banyak ahli-ahli falsafah, dan bukannya Konfusius seorang sahaja. Dengan itu, adalah tidak wajar jika kita menyamakan atau mewakilkan falsafah Konfusianisme dengan falsafah Konfusius sahaja.

Walau bagaimanapun, dikatakan intipati falsafah Konfusianisme bergantung terutamanya kepada falsafah Konfusius, Mengzi dan Xunzi. Pemikiran-pemikiran

mereka boleh dirujuk daripada Empat Buku iaitu *Lunyu*, *Mengzi*, *Daxue*, *Zhongyong* dan *Xunzi* 荀子 (*The Book of Xunzi*).

Sebagai kesimpulannya, pendirian Martin Lu (1983: 4) diambil iaitu Konfusianisme dari sudut pandangan yang sempit merujuk hanya kepada Konfusianisme sebelum dinasti Qin; akan tetapi, jika dipandang dari sudut yang lebih luas, ia merangkumi juga Neo Konfusianisme zaman dinasti Song dan Ming serta zaman-zaman yang seterusnya.

### 3.2 Etika Konfusianisme dan Ajaran Keluarga

Apabila kita berbincang tentang etika (伦 理), istilah “moral” (道 德) tidak dapat dielakkan. Ini kerana, bidang etika memperkatakan tentang teori-teori moral atau falsafah-falsafah moral. Sebaliknya, apa yang diperkatakan oleh moral pula ialah kelakuan etika (德 行) atau kelakuan yang baik (善 行) (Rui Yufu, 1973: 376).

Kedua-dua konsep etika dan moral merupakan dua elemen yang tidak boleh diketepikan dalam perbincangan “budaya”. Sebagai contoh, Tylor, bapa antropologi British memasukkan elemen “moral” dalam definisi budayanya (Zhuang Xichang, Gu Xiaoming, Gu Yunshen dll., 1987: 98); Clyde Kluckhohn dan W. H. Kelly dari Amerika dalam buku mereka *The Concept of Culture* juga memasukkan kedua-dua konsep etika dan moral dalam definisi budaya mereka. Irving Hallowell dalam memperkatakan peraturan sosial masyarakat manusia, berpendapat ia merupakan satu peraturan etika. Kluckhohn berpendapat bahawa kehidupan manusia ialah kehidupan yang beretika (Rui Yufu, 1973: 376). Dengan itu dapat kita lihat bahawa kehidupan yang dipengaruhi

oleh budaya tertentu semestinya akan mengambil nilai etika atau aspek moral budaya itu untuk dijadikan panduan kehidupan masyarakat.

Ahli pemikir Tsai Jen-Hou dalam memperkatakan etika atau moral menyatakan bahawa kedua-dua elemen ini boleh memperlihatkan matlamat kehidupan dan arah perjalanan hidup. Ia merangkumi prinsip-prinsip kehidupan, kawalan-kawalan tingkah laku dan satu set nilai-nilai yang dipatuhi oleh ahli dalam masyarakat. Dengan itu, apabila aspek etika dikaitkan dengan Konfusianisme, maka etika Konfusianisme ini memberi prinsip-prinsip dan panduan-panduan mengenai bagaimana seseorang itu harus berdiri teguh dalam menghadapi segala hal, dan bagaimana seseorang itu harus bertindak dalam hubungan sesama manusia (He Zihuang, 1996: 75-76)

Etika mementingkan perlaksanaan, ia semestinya dapat diperlihatkan secara langsung dalam tingkah laku dan cara kehidupan seseorang. Bila sesuatu tingkah laku diamalkan dalam kehidupan, ia semestinya terdapat perbezaan dari segi:

- “ yang terdahulu dan yang terkemudian ” (先 后);
- “ yang dasar dan yang remeh ” (本 末);
- “ yang rapat dan yang asing ” (亲 疏);
- “ yang jauh dan yang dekat ” (远 近).

Pemikiran Konfusianisme menekankan peraturan semulajadi manusia, iaitu, asas pemikiran etikanya terdiri daripada semangat cinta yang memang tidak akan setara untuk semua pihak (有 差 等 的 爱). Ini bererti, manusia umum sememangnya akan cinta pada ibu bapa sendiri terlebih dahulu; kemudian, jika berkesempatan, baru ia mencurahkan kasih sayangnya kepada ibu bapa orang lain dan kawan-kawan di sekelilingnya (He Zihuang, 1996: 78-79). Kepentingan hubungan yang lebih dekat berbanding hubungan yang lebih jauh ini dihuraikan oleh Fei Xiaotong dalam teorinya

yang terkenal iaitu Tata Sosial Berhirarki. Teori ini memaparkan bagaimana hubungan etika orang Cina dipengaruhi oleh budaya Konfusianisme seperti yang dibincangkan dalam Bab 1.

### 3.2.1 Etika Konfusianisme: Sistem Nilai *Ren* 仁, *Yi* 义 dan *Li* 礼

*Ren*, *yi* dan *li* merupakan tiga elemen yang amat penting dalam sistem pemikiran Konfusianisme. Setiap elemen ini mempunyai konsep dan erti yang tersendiri tetapi mereka seringkali dikait bersama dalam penggunaannya. Sebagai contoh, Mengzi kerap kali menggunakan *renyi* 仁义 secara bersama manakala Xunzi pula mengguna *liyi* 礼义 secara bersama.

Ketiga-tiga konsep ini bila dilihat bersama dan dikaitkan hubungannya, ia adalah seperti catatan dalam *Zhongyong*:

“*Ren* merujuk orang; yang pentingnya pertalian darah. *Yi*, kesesuaian; yang pentingnya taraf dan status. *Li* dihasilkan berdasarkan pertalian darah dan perbezaan taraf sosial seseorang.” (仁者，人也；亲亲为大。义者，宜也；尊贤为大。亲亲之杀，尊贤之等，礼之所由生也。) (*Zhongyong*: Bab 20)

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas sekali Tata Sosial Berhirarki telah mengambil tempat. Ia membawa maksud bahawa, seseorang yang berperikemanusiaan (*ren*) itu sentiasa mempertimbangkan faktor pertalian darah dalam hubungan manusia. Seseorang yang bertindak wajar (*yi*) pula sentiasa mengambil cara yang paling sesuai dalam menuruti arahan orang mulia. Jika kedua-dua hal di atas dilakukan dengan sempurna, maka ini merupakan asas bagi kelahiran adat dan tatasusila (*li*).

Antara ketiga-tiga konsep di atas, konsep perikemanusiaan (*ren*) ialah intipati terpenting pemikiran Konfusianisme. Wujudnya nilai perikemanusiaan (*ren*) barulah nilai tatasusila (*li*) dan nilai kewajaran (*yi*) dapat berdiri dengan teguh (人而不仁，如礼何?) (*Lunyu*: 3.3). Apabila ketiga-tiga nilai ini telah berfungsi dengan baik, maka nilai-nilai etika yang lain seperti *gong* 恭 (penghormatan), *kuan* 宽 (kemurahan hati), *xin* (kepercayaan), *min* 敏 (kepintaran), *hui* 患 (kebaikan hati) (*Lunyu*: 17.6) akan dilahirkan sehingga sistem nilai *ren*, *yi* dan *li* ini menjadi satu sistem yang besar dan kompleks (Huang Guangguo, 1995b: 239), justerunya berupaya untuk merangkumi segala aspek etika yang lain dalam membentuk moral yang tertinggi untuk seseorang.

Dalam pemikiran Konfusianisme, nilai perikemanusiaan (*ren*) bermula dari hubungan dekat kepada hubungan jauh (Huang Guangguo, 1995b: 242-247). Apabila Fan Chi 畔迟 bertanya Konfusius apa itu *ren*, Konfusius memberi jawapan “mengasihi orang” (愛人) (*Lunyu*: 12.22). Zigong 子貢 bertanya pula: “Jika terdapat orang yang membuat jasa baik terhadap rakyat jelata dan memberi bantuan kepada orang ramai, bolehkah orang ini dianggap berperikemanusiaan?” (子貢曰：「如有博施于民而能濟眾，何如？」) (*Lunyu*: 6.30)

Jawapan Konfusius amat menggalakkan, iaitu orang itu bukan sahaja berperikemanusiaan tetapi mencapai tahap paling suci (子曰：“何事于仁，必也聖乎！”) (*Lunyu*: 6.30). Ini kerana bagi pandangan Konfusius, tahap ini tidak mudah dicapai oleh mana-mana orang, Raja Yao 尧 dan Raja Shun 舜<sup>40</sup> yang selama ini

<sup>40</sup> Menurut legenda Cina, Raja Yao dan Raja Shun ialah dua orang raja teragung yang memerintah pada zaman purba di negara China. Bagi Konfusius, dua orang raja ini ialah contoh pemerintah yang paling berwibawa sekali (Cai Xiqin, 1994: 101). Bagi Mengzi, Raja Yao dan Raja Shun ialah teladan terbaik untuk amalan berbakti kepada ibu bapa dan penghormatan adik kepada abang (堯舜之道，孝悌而已矣。) (*Mengzi*: 12.2). Dengan itu, apabila Raja Yao dan Raja Shun meninggal dunia, jalan untuk menjadi pendeta sudah semakin merosot (堯舜既沒，聖人之道衰。) (*Mengzi*: 6.9).

dianggap orang yang berperikemanusiaan juga tidak sempurna dalam melakukannya (尧舜其犹病诸) (*Lunyu*: 6.30). Justeru itu Konfusius mencadangkan cara untuk melaksanakan nilai perikemanusiaan (*ren*) seperti berikut:

“Bagi seseorang yang berperikemanusiaan, apa yang ingin didirikan untuk diri sendiri, dirikan juga untuk orang lain. Apa yang ingin dicapaikan oleh diri sendiri, capaikan juga untuk orang lain.” (夫仁者，己欲立而立人，己欲达而达人。) (*Lunyu*: 6:30)

Jelasnya Konfusius telah menafsirkan nilai perikemanusiaan (*ren*) sebagai kasih sayang yang dicurahkan kepada orang lain. Bagi Konfusius, nilai perikemanusiaan yang paling tinggi dan paling murni ialah membuat baik kepada manusia sejagat, iaitu tanpa melihat hubungan rapat atau jauh dengan seseorang itu. Walau bagaimanapun, tahap suci ini amat sukar sekali untuk dicapai oleh manusia, seperti kata Konfusius, walaupun Raja Yao dan Raja Shun tidak juga sempurna dalam melakukannya.

Dengan itu, apa yang boleh dilakukan oleh manusia secara amnya ialah memberi kasih sayang kepada ahli keluarga sendiri terlebih dahulu kerana mereka ialah orang yang mempunyai hubungan yang paling rapat dengan diri seseorang itu. Dalam hal ini, Konfusius mengatakan:

“Orang mulia mematuhi kepada asas, bila asas didirikan, maka kebenaran dilahirkan. Nilai berbakti (*xiao*) dan menghormati saudara tua (*ti* 悌) merupakan asas kepada konsep perikemanusiaan!” (君子务本，本立而道生。孝悌也者，其为仁之本与！) (*Lunyu*: 1.2)

Ini bererti asas kepada nilai perikemanusiaan (*ren*) ialah *xiao* dan *ti*, iaitu berbakti kepada ibu bapa dan saling menghormati antara adik-beradik. Bagi Konfusius, asas ini mestilah didirikan terlebih dahulu barulah kebenaran boleh dicapai. Mengzi mewarisi pandangan Konfusius juga mahukan perlaksanaan nilai perikemanusiaan (*ren*) itu bermula daripada membuat baik kepada ibu bapa:

“Intipati kepada nilai perikemanusiaan (*ren*) ialah berbakti kepada ibu bapa.”  
(孟子曰：“仁之实，事亲是也。”) (*Mengzi*: 7.27)

“Tiada orang yang bersifat perikemanusiaan (*ren*) yang mengetepikan dan abaikan ibu bapanya.” (孟子曰：“未有仁而遗其亲者也。”) (*Mengzi*: 1.1)

“Apakah perkara yang paling penting? Berbakti kepada ibu bapa merupakan perkara yang paling penting.” (孟子曰：“事孰为大？事亲为大。”) (*Mengzi*: 7.19)

Bagi fahaman Konfusianisme, setelah tanggungjawab menjaga ibu bapa sudah dilaksanakan, barulah seseorang boleh menggerakkan “diri” nya untuk melaksanakan nilai perikemanusiaan (*ren*) kepada orang lain:

“Konfusius berkata: ‘Orang muda berbakti kepada ibu bapa ketika dalam rumah dan menghormati saudara tua di luar rumah, berhati-hati dalam percakapan dan boleh dipercayai orang, sampai tahap ini, orang muda berkemampuan untuk mengasih orang ramai dan berdamping mesra dengan orang yang berperikemanusiaan ...’” (子曰：“弟子入则孝，出则弟，谨而信，泛爱众，而亲仁，……” ) (*Lunyu*: 1.6)

Berkenaan *yi* pula, ia banyak dibincang oleh Mengzi. Umumnya, *yi* bererti “kesesuaian” (义者，宜也。). *Yi* juga diertikan sebagai “kewajaran, kewajipan, yang berpatutan atau yang menasabah” (Luo Guojie, 1995: 8). Berdasarkan ertian ini, Mengzi telah memberi panduan untuk menentukan sama ada sesuatu tingkah laku itu wajar atau tidak wajar, iaitu bergantung dan berasas pada nilai berperikemanusiaan (*ren*):

“Mengzi berkata: ‘*Ren*, hati manusia; *yi*, jalan manusia. Membiarkan jalan benar dan tidak tahu haluan yang betul, membiarkan hati dan tidak tahu kehendaknya, amat menyedihkan.’” (孟子曰：“仁，人心也；义，人路也。舍其路而弗由，放其心而不知求，哀哉！”) (*Mengzi*: 11.11)

“Mengzi berkata: ‘*Ren*, tempat kediaman manusia yang selamat; *yi*, jalan benar yang harus diikuti manusia. Membiarkan tempat kediaman yang selamat, membiarkan jalan yang betul, amat menyedihkan.’” (孟子曰：“仁，人之安宅也；义，人之正路也。旷安宅而弗居，舍正路而不由，哀哉！”) (*Mengzi*: 7.10)

Mengzi selain daripada memberi definisi kepada *ren* dan *yi*, beliau juga menyatakan *ren* dan *yi* itu boleh dilakukan oleh manusia secara tiada batasan:

“Setiap orang mempunyai hal-hal yang dia tidak sanggup untuk melakukannya, jika sesuatu perkara itu sanggup dilakukan, maka ia semestinya memenuhi kehendak perikemanusiaan (*ren*); setiap orang ada hal-hal yang dia tidak ingin lakukan, jika sesuatu hal itu dilakukan, ia semestinya memenuhi kehendak nilai kewajaran (*yi*). Jika orang dapat mengembangkan hatinya yang tidak mengkhianati orang, maka nilai perikemanusiaannya tiada penghabisannya; jika orang mengembangkan hatinya yang

tidak merampas harta benda orang lain, maka nilai kewajarnya juga tiada penghabisannya.” (孟子曰：“人皆有所不忍，达之于其所忍，仁也；人皆有所不为，达之于其所为，义也。人能充无欲害人之心，而仁不可盛用也；人能充无穿窬之心，而义不可胜用也。”) (*Mengzi*: 14.31)

Antaranya, nilai kewajaran (*yi*) berfungsi untuk mengelakkan seseorang daripada membuat salah:

“Kemunculan orang jahat adalah disebabkan orang atasan (iaitu pemerintah) tidak pentingkan dan tidak hormati nilai kewajaran (*yi*). Dengan itu, nilai kewajaran berfungsi melarang orang daripada membuat kejahanatan。”(凡奸人之所以起者，以上之不貴義，不敬義也。夫義者，所以限禁人之為惡與奸者也。) (*Xunzi*: “Qiangguo Pian” “强国篇” [Bab Menguatkan Negara])

Keseluruhannya, nilai kewajaran (*yi*) begitu penting sekali kerana menurut Mengzi, jika seseorang terpaksa memilih salah satu antara “nyawa” dengan “nilai kewajaran”, maka Mengzi menyarankan orang supaya mengorbankan nyawa demi mendapatkan nilai kewajaran (生亦我所欲也，义亦我所欲也；二者不可得兼，舍生而取义者也。) (*Mengzi*: 11.10).

Selain daripada nilai kewajaran (*yi*), nilai tatasusila (*li*) dalam pemikiran Konfusianisme juga menduduki tempat yang tinggi dalam sistem nilai etika kekeluargaan Cina. Xunzi merupakan tokoh Konfusianisme yang banyak membincangkan nilai tatasusila (*li*) di samping Konfusius. Xunzi dalam bukunya *Xunzi* telah menghuraikan bagaimana boleh wujudnya adat dan tatasusila:

“Apakah asas untuk kelahiran adat dan tatasusila (*li*)? Jawabnya: Manusia lahir dengan penuh nafsu, apabila nafsu tidak dapat dipenuhi, maka manusia tidak dapat elakkan daripada kehendak-kehendak; apabila kehendak itu tidak ada batasannya, maka persaingan tidak dapat dielakkan; persaingan akan menimbulkan kekacauan, kekacauan akan menimbulkan kemiskinan, raja-raja dahulu takut kepada kekacauan ini, justerunya membentuk *liyi* untuk membahagi-bahagikan masalah-masalah itu, ... inilah punca lahirnya adat dan tatasusila (*li*).” (礼起于何也？曰：人生而有欲，欲而不得，则不能无求，求而无度量分界，则不能不争。争则乱，乱则穷。先王恶其乱也，故制礼义以分之，……是礼之所起也。) (*Xunzi*: “Lilun Pian” “礼论篇” [Bab Perbincangan Adat])

Pandangan Xunzi ini walaupun terkemudian daripada Konfusius, tetapi ia mempunyai kesinambungannya dengan pandangan Konfusius. Konfusius dalam

membincangkan kepentingan adat dan tatasusila (*li*) mengatakan: “Tanpa belajar adat dan tatasusila, seseorang itu tidak dapat berdiri teguh.” (不学礼，无以立。) (*Lunyu*: 16.13) Oleh kerana adat dan tatasusila (*li*) begitu penting sekali, maka segala-gala hal yang tidak menepatinya itu jangan dilihat, jangan didengar, jangan ditutur dan jangan disentuh (非礼勿视，非礼勿听，非礼勿言，非礼勿动。) (*Lunyu*: 12.1).

Nilai tatasusila (*li*) diberi kepentingan kerana ia mempunyai fungsi kawalan terhadap tingkah laku manusia seperti yang dikatakan oleh Konfusius:

“mempelajari kitab-kitab klasik secara meluasnya, dan menggunakan adat dan tatasusila (*li*) untuk kawalkan diri。”(博学于文，约之以礼。) (*Lunyu*: 6.27)

Ini bererti seseorang yang menghayati adat dan tatasusila (*li*) akan sentiasa berwaspada terhadap perkara-perkara yang dilakukan, iaitu mengawasi sama ada kelakuan-kelakuannya memenuhi kehendak adat dan tatasusila atau tidak. Dengan itu, adat dan tatasusila (*li*) boleh memastikan seseorang itu sentiasa berada pada jalan yang benar dan betul.

Di sini, *li* sebagai fungsi kawalan merujuk kepada adat, tatasusila dan peraturan yang membolehkan seseorang kawal dirinya, iaitu kawal nafsu dan kehendak seseorang yang tidak terbatas. Dengan itu, barulah manusia dapat elakkan diri daripada persaingan, kekacauan dan kemiskinan yang disebut oleh Xunzi demi menjadi manusia yang bermoral.

Berkenaan bagaimana adat dan tatasusila (*li*) boleh mengawal diri seseorang, Xunzi telah menjelaskannya dengan teliti. Bagi Xunzi, fungsinya yang terpenting ialah “pemeliharaan”, iaitu memelihara mulut, mata, telinga dan badan agar kehendak organ-organ ini boleh dipenuhi di dalam lingkungan adat dan tatasusila (*li*) (故礼者，养也。养口，养目，养耳，养体……) (*Xunzi*: “Lilun Pian” ).

Selain itu, adat dan tatasusila (*li*) juga memainkan peranan penting dalam membeza-bezakan manusia dalam susun lapis atau kategori yang berlainan. Tanpanya, maka penyembahan kepada langit dan bumi tidak boleh dilaksanakan; tanpanya, maka tidak dapat dibeza-bezakan antara golongan raja dengan menteri, golongan atasan dengan bawahan, golongan tua dengan muda, golongan mulia dengan golongan hina; tanpanya, maka tidak dapat diasingkan lelaki dengan perempuan, bapa dengan anak, adik-beradik dan sebagainya (Cai Fanglu, 1995: 54). Dengan itu, Xunzi merumuskan fungsi adat dan tatasusila (*li*) yang lain sebagai “membeza-bezakan yang tidak sama” (礼以分別异) (Xunzi: “Lilun Pian” ).

Erti dan lingkungan *li* walaupun luas, tetapi secara keseluruhannya, ia dapat dikategorikan kepada 4 aspek yang besar (Zhang Hongyi, 1989: 159). Pertamanya, *li* memperlihatkan keinginan untuk mencapai keharmonian, ketenteraman dan perpaduan. Kata-kata Konfusius seperti “antara manfaat adat (*li*), keharmonian paling dihargai” (礼之用，和为贵) (*Lunyu*, 1:12) merupakan idaman orang Cina, ia sentiasa dipaparkan dalam tulisan kaligrafi Cina yang besar dan digantung di dinding dalam rumah orang Cina untuk mengingatkan orang tentang peri pentingnya nilai “harmoni” (*he 和*) itu.

Keduanya, adat dan tatasusila (*li*) menonjolkan kehendak masyarakat yang mahukan orang ramai mengawal perasaan, keinginan dan nafsu, iaitu seperti kata Konfusius: “Kawal diri untuk kembali kepada adat (*li*).” (*Lunyu*, 12:1)

Ketiganya, adat dan tatasusila (*li*) berkehendakkan orang sentiasa merendahkan diri dan berundur selangkah ke belakang jika terdapatnya persaingan. Contohnya, pepatah dalam *Liji 礼记* (Catatan Adat) berbunyi: “orang yang

mengamalkan adat dan tatasusila, sentiasa merendahkan diri untuk memuliakan orang lain.” (夫礼者，自卑以尊人。) Dengan itu, adat dan tatasusila (*li*) mahu seseorang itu sentiasa mengutamakan kepentingan orang lain terlebih dahulu.

Keempatnya, adat dan tatasusila (*li*) berkehendakkan pulangan (balasan) yang setimpal. Masyarakat Cina memang terkenal dengan simpulan bahasa *lishangwanglai* 礼尚往来 yang bererti adat dan tatasusila berkehendakkan orang “bersopan-santun antara satu sama lain” atau “saling berbalas antara satu sama lain”. Sebagai rumusan, adat dan tatasusila merupakan kawalan luaran yang menjadi panduan kepada tingkah laku manusia. Dengan itu, ia memainkan peranan yang amat penting dalam etika kekeluargaan Konfusianisme.

### 3.2.2 Etika Konfusianisme Berasaskan Unit Keluarga

Cita-cita Konfusianisme yang tertinggi ialah mengamankan dunia dan memberi kebahagiaan kepada manusia sejagat. Untuk mencapai matlamat ini, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, ia perlu bermula dengan “diri” yang patuh kepada tatasusila dan pendirian rumah tangga yang teguh dan teratur.

Dengan yang demikian, etika Konfusianisme memandang penting terhadap aspek keluarga dan cuba mendirikan teori-teori etika keluarganya daripada kehidupan yang realistik supaya ia boleh diikuti dan diamalkan oleh masyarakat sejagat (Jin Guantao, 1995: 692-693). Dalam hal pembangunan rumah tangga ini, peraturan keluarga telah diadakan untuk dijadikan panduan bagi mentadbir dan menguruskan sebuah keluarga dengan berkesan.

Keluarga dalam konteks orang Cina mempunyai erti yang luas. Ia boleh merujuk kepada satu keluarga di mana semua ahlinya tinggal bersama, dan ia boleh juga merujuk kepada satu keluarga di mana ahli-ahlinya tidak tinggal bersama. Ada kala, “keluarga” ini boleh sebesar satu komuniti. Contohnya, mereka yang mempunyai nama keturunan (姓 氏) yang sama sering dianggap berasal daripada sebuah keluarga yang sama (Xie Jichang, 1982: 276).

Etika kekeluargaan Konfusianisme telah memberi pengaruh yang tidak terhingga dalam pembentukan, pengukuhan dan perkembangan sistem keluarga tradisi negara China. Bermula dari pemilihan jodoh, perkahwinan, sehingga kepada pemeliharaan ibu bapa, penyembahan nenek moyang, mendidik dan membesarkan anak-anak, setiap peringkat ini dikawal dengan tatatertib yang diaturkan oleh Konfusianisme (Mo Mingzhe, 1995: 706).

Mengapakah budaya Konfusianisme mementingkan keluarga? Huang Guangguo cuba menjawab berdasarkan pandangan hidup Konfusianisme iaitu keluarga ialah punca lahirnya nyawa seseorang (Huang Guangguo, 1995a: 291), justerunya, orang perseorangan memandang keluarga sebagai tempat perlindungannya. Ekorannya, pelbagai nilai-nilai keluarga yang berdasarkan pertalian ahli keluarga dipentingkan, contohnya, nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa bagi hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak mereka.

Dari sudut pandangan Konfusianisme, masyarakat boleh juga dilihat sebagai “keluarga yang telah diperbesarkan”. Ia boleh disimpulkan sebagai “suatu organisasi berperingkat yang berada pada tahap harmoni” (Zhang Hongyi, 1989;

165). Dalam organisasi Ini, pemerintah dipandang sebagai bapa kepada keluarga besar ini manakala menteri-menteri ialah anak-anak kepada keluarga besar ini.

Dalam sistem organisasi masyarakat sebegini, tidak terdapatnya konsep “orang perseorangan”. Semua orang yang berada dalam masyarakat ini mempunyai peranan masing-masing. Jika seseorang itu bukan berperanan sebagai bapa, maka mestilah berperanan sebagai anak. Kalau bukan sebagai yang memerintah, maka semestinya yang diperintah. Jika bukan suami, maka semestinya ialah isteri. Jika bukan abang, maka mestilah seorang adik. Dengan perkataan lain, Lima Hubungan Etika telah membentuk hubungan sosial sesbuah masyarakat.

Keseluruhannya, sistem etika Konfusianisme terletak pada asas Tata Sosial Berhirarki. Sebarang hubungan manusia yang wujud dalam masyarakat Cina tidak dapat dielakkan daripada struktur ini. Ini bererti, orang Cina secara amnya cenderung untuk membeza-bezakan hubungan antara manusia kepada hubungan yang lebih dekat dan rapat atau hubungan yang lebih jauh dan kurang rapat.

Ekorannya, orang Cina sentiasa dibahagikan kepada dua kategori yang berlainan, iaitu kategori “orang sendiri” (自己人) dan kategori “orang luar” (外人) (Yang Zhongfang, 1993: 406). “Orang sendiri” merujuk terutamanya kepada mereka yang mempunyai hubungan pertalian darah seperti ahli-ahli keluarga dan saudara mara.

Sebagai contoh, saudara mara merujuk adik-beradik kepada ibu-bapanya seperti *shufu* 叔父 (bapa saudara) iaitu selaku adik lelaki kepada ayahnya; dan *jiufu* 姐父 (juga bapa saudara) selaku adik lelaki kepada ibunya dan lain-lain lagi. Pertalian kekeluargaan seperti ini diwujudkan sejak seseorang itu dilahirkan. Seseorang itu

sama ada mahu atau tidak mahu, ia terpaksa menerima hubungan kekeluargaan ini secara tiada pilihan. Dan dalam sistem kekeluargaan ini, seseorang itu dikehendaki menjalani peranan dan tanggungjawabnya secara tiada bantahan.

Bagi kategori “orang luar” pula, ia secara amnya merujuk kepada kawan-kawan bagi seseorang. Pada kebiasaannya, walaupun seseorang itu berhubungan amat rapat dengan kawannya, kawan itu tetap akan dianggap sebagai orang luar juga melainkan mereka menjadi adik-beradik angkat. Dalam melayani “orang luar” ini, teori Francis Hsu berkenaan “orientasi situasi” amat sesuai untuk menjelaskan bagaimana individu bertindak dalam hubungan sosialnya.

Konsep “orientasi situasi” mengisarkan pertimbangan orang Cina kepada situasi yang dihadapinya sebelum dirinya membuat sesuatu keputusan. Dalam situasi yang tertentu, seseorang akan mempertimbangkan apakah hubungannya dengan pihak “orang luar” itu (Yang Zhongfang, 1993: 406). Sebagai contoh, adakah dirinya akan bertemu dengan orang ini lagi? Adakah wujudnya sebarang kemungkinan untuk meminta apa-apa pertolongan daripada orang itu pada masa depan? Kesemua faktor ini akan diberi pertimbangan oleh diri seseorang itu sebelum keputusan dibuat (Yang Zhongfang, 1993: 406).

### **3.2.3 Ajaran Keluarga**

Berdasarkan kerangka teoritikal yang dibincangkan pada Bab 1, maka budaya Konfusianisme yang akan dibincang seterusnya merujuk kepada budaya realiti, bermaksud budaya Konfusianisme dari segi kehidupan dan bukannya budaya ideal yang terdiri daripada teori-teori metafizik (Yue Qingping, 1989a: 135).

Ekorannya kitab-kitab Konfusianisme seperti Empat Buku dan Lima Klasik bukannya sumber yang tunggal dalam kajian Konfusianisme empirikal, tetapi sumber yang lebih pentingnya ialah ajaran keluarga, peraturan keluarga dan tatasusila keluarga yang menyebarkan nilai-nilai Konfusianisme untuk dijadikan panduan hidup.

Ajaran keluarga dan tatasusila keluarga merupakan nasihat-nasihat ketua keluarga berkenaan bagaimana menguruskan sebuah rumah tangga dengan berkesan dan bagaimana memupuk peribadi anak-cucunya untuk menjadi orang yang bermoral tinggi. Dengan itu, dalam ajaran keluarga, nilai-nilai etika disarankan untuk dipatuhi oleh anak-anak, cucu-cucu dan cicit-cicit sehingga berabad-abad lamanya. Matlamat akhirnya ialah untuk mengekalkan nama baik kepada keluarganya (Guan Shuguang & Pei Zeren, 1994: prakata 1-2; Xie Xianghao & Liu Zongxian, 1993: 443).

Bermula dari pengasas Konfusianisme sehinggalah pengikut-pengikut yang kemudian, kajian dan tinjauan tentang etika keluarga telah diberi kedudukan yang penting. Setakat ini, terdapatnya lebih daripada 100 buah tulisan yang membincang tentang etika kekeluargaan Konfusianisme (Mo Mingzhe, 1995: 703-706). Antaranya, *Yanshi Jiaxun* 袁氏家训 (Ajaran Keluarga Yan) yang ditulis oleh Yan Zhitui 袁之推

(kk 531-591)<sup>41</sup> terkenal sebagai perintis kepada semua ajaran keluarga (古今家训, 以此为祖) di negara China. Dalam ajaran keluarga yang terdiri daripada 20 bab ini, Yan Zhitui telah menyarankan satu sistem pengurusan keluarga yang amat lengkap berasaskan pemikiran Konfusianisme (Guan Shuguang & Pei Zeren, 1994: 3 [prakata]).

Dalam *Yanshi Jiaxun*, terdapatnya bab “Xiongdi” “兄弟” (Adik-beradik) yang mahukan adik-beradik saling mengasihi, bersatu-padu dan berbakti kepada ibu bapa; bab “Zhijia” “治家” (Mentadbir Keluarga) pula menekankan kepentingan teladan dalam sesebuah keluarga dan kesederhanaan dalam perbelanjaan.

Bab “Muxian” “慕贤” (Menghormati Orang Mulia) berkehendakkan anak-anaknya bijak memilih kawan dan melayani orang dengan cara bertatasusaha (*li*). Bab “Mianxue” “勉学” (Galakan Belajar) pula menasihati orang untuk rajin belajar sejak kecil lagi kerana orang yang banyak membaca akan dihormati dalam masyarakat.

Bab “Guixin” “归心” (Kembali kepada Hati) pula menghuraikan kepercayaan Yan Zhitui terhadap agama Buddha di samping pemikiran Konfusianisme. Yan Zhitui menegaskan bahawa Lima Larangan yang disarankan dalam agama Buddha sebenarnya sama dengan Lima Etika Kebiasaan dalam pemikiran Konfusianisme (内典初门, 设五种禁; 外典仁义礼智信, 皆与之符。).<sup>42</sup>

<sup>41</sup> Yan Zhitui, seorang yang banyak membaca. Nenek moyangnya merupakan pegawai-pejawai kerajaan bagi beberapa generasi. Kehidupan Yan Zhitui sepanjang umurnya amat susah sekali kerana banyak perperangan berlaku pada zamannya (Xu Shaojin dll., 1993: 19). *Yanshi Jiaxun* yang ditulisnya boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 19-79 atau Bao Dongbo, 1991: 45-78.

<sup>42</sup> “Neidian” 内典 merujuk kepada kitab agama Buddha manakala “Waidian” 外典 ialah istilah Buddhisme yang merujuk kepada kitab Konfusianisme. Bagi Yan Zhitui, orang yang mematuhi kepada larangan tidak membunuh ialah orang yang berperikemanusiaan (*ren*) (仁).

Keseluruhannya, *Yanshi Jiaxun* amat luas lingkungannya, walaupun bukan semua bab membincang tentang nilai etika Konfusianisme, tetapi semangat Konfusianisme adalah kuat pada keseluruhannya (Guan Shuguang & Pei Zeren, 1994: 1-314).

Ringkasnya, fungsi terpenting sesebuah ajaran keluarga ialah untuk menunjukkan cara dan jalannya bagaimana mempraktikkan etika Konfusianisme di dalam sesebuah keluarga (Xie Xianghao & Liu Zongxian, 1993: 443). Dalam pada itu, *Yanshi Jiaxun* telah diiktiraf sebagai pembuka jalan kepada ajaran keluarga bagi dinasti yang seterusnya, iaitu dinasti Song, Ming dan Qing (Guan Shuguang & Pei Zeren, 1994: 2 [prakata]).

Dinasti Song merupakan dinasti yang menghasilkan banyak ajaran keluarga. Pemikiran yang berpengaruh pada dinasti Song digelar Pengajian Pendalilan. Pengajian Pendalilan ini berasas terutamanya pada pemikiran Konfusianisme, tetapi ia juga mendapat pengaruh daripada pemikiran Buddhism dan Taoisme (Lu Lianzhang, 1993: 98-102; Xie Xianghao & Liu Zongxian, 1994: 490).

Dalam sejarah perkembangan pemikiran Konfusianisme, tokoh-tokoh yang berusaha mengembangkan Pengajian Pendalilan ini digolongkan sebagai ahli-ahli Neo Konfusianisme. Para ahli Neo Konfusianisme mengambil pemikiran Konfusius dan Mensius secara terus untuk dijadikan panduan asas. Selain daripada Empat Buku, Enam Klasik Konfusianisme (*Lujing* 六经) seperti *Yijing* 易经 (*The Book of Changes*), *Liji*, *Chunqiu* 春秋 (*The Spring and Autumn Annals*), *Zhouli* 周礼 dan lain-lain lagi

---

者，不杀之禁也); orang yang mematuhi kepada larangan tidak mencuri ialah orang yang bertindak wajar (*yí*) (义者，不盜之禁也); orang yang mematuhi kepada larangan tidak membuat jahat ialah orang yang bertatasilila (*lì*) (礼者，不邪之禁也); orang yang mematuhi kepada larangan tidak meminum arak ialah orang yang bijak (*zhī*) (智者，不酒之禁也) manakala orang yang mematuhi kepada larangan tidak bercakap buruk ialah orang yang boleh dipercayai (*xìn*) (信者，不妄之禁也) (Yan Zhitui, *Yanshi Jiaxun*: "Guixin").

digunakan sebagai bahan rujukan asas dalam mendirikan teori-teori mereka (Xie Xianghao & Liu Zongxian, 1994: 490-491).

Ahli Neo Konfusianisme mementingkan perlaksanaan dan amalan. Mereka cuba mengembangkan tradisi sistem etika Konfusianisme dari segi adat dan tatasusila (*li*), iaitu mengawal diri untuk kembali kepada adat dan tatasusila; menggunakan adat dan tatasusila untuk menguruskan rumah tangga serta menggunakan adat dan tatasusila untuk mentadbir dunia (Zhuang Kongshao, 1996: 396-401). Oleh yang demikian, peraturan dan kawalan dalam keluarga serta pendidikan keluarga diberi perhatian yang lebih jika dibanding dengan dinasti-dinasti sebelumnya.

Ringkasnya, penghasilan ajaran keluarga pada dinasti Song mempunyai hubungan yang rapat dengan pemikiran Neo Konfusianisme. Ajaran keluarga dinasti Song penting kerana ia memberi pengaruh yang amat kuat kepada ajaran keluarga dinasti yang seterusnya iaitu dinasti Yuan, Ming dan Qing.

Dinasti Yuan, Ming dan Qing mengalami perkembangan yang amat pesat dalam penghasilan ajaran keluarga (Guan Shuguan & Pei Zeren, 1994: 2 [prakata]; Cheng Jun & Ge Ling, 1991: 2-3 [prakata]). Penggunaan ajaran keluarga berkembang pesat sehingga ke seluruh pelusuk masyarakat. Ajaran keluarga yang pentingkan peraturan keluarga dan tatasusila keluarga dipandang sebagai pedoman hidup oleh semua lapisan penduduk, tidak kira orang yang terpelajar atau rakyat biasa.

Antara ajaran keluarga dinasti Song yang terkenal ialah *Jiafan* 家范 (Teladan Keluarga) dan *Jiayi* 家仪 (Tatasusila Keluarga) yang ditulis oleh Sima Guang 司马光

(1019-1086).<sup>43</sup> Keseluruhannya, kedua-dua buah buku ini menonjolkan semangat Konfusianisme yang mementingkan etika keluarga. Bagi Sima Guang, Tiga Prinsip Kardinal amat penting sekali untuk memastikan kaum lelaki berkuasa tinggi dan mendapat penghormatan yang tinggi dalam keluarga. Sebaliknya, kaum wanita seperti isteri dan anak perempuan berkedudukan rendah dalam keluarga. Apa yang perlu dilakukan mereka hanyalah setakat rajin membuat kerja rumah tangga dan patuh kepada perintah suami demi mengekalkan keharmonian keluarga.

*Jiali* 家礼 (Adat Keluarga) yang ditulis Zhu Xi pula menghuraikan segala adat resam yang diamalkan dalam sesebuah keluarga. Buku ini dibahagikan kepada lima bahagian, pertamanya “*Tongli*” 通礼 (Adat Resam Am), keduanya “*Guanli*” 冠礼 (Adat Menjadi Orang Dewasa), ketiganya “*Hunli*” 婚礼 (Adat Perkahwinan), keempatnya “*Sangli*” 长礼 (Adat Kematian) dan kelimanya “*Jili*” 祭礼 (Adat Penyembahan). Kesemua adat yang dibincangnya berkait rapat dengan kehidupan harian, dengan itu ia amat mudah diterima oleh masyarakat secara amnya.

Sebuah lagi ajaran keluarga yang berupa catatan umum dikumpulkan oleh Liu Qingzhi 刘清之. Ajaran keluarga bertajuk *Jiezi Tonglu* 戒子通录 (Catatan Umum Menasihati Anak) ini menekankan pemupukan moral diri seseorang dan memberi penekanan kepada kepentingan pendidikan keluarga. Pendidikan keluarga yang disarankan memberi tumpuan terutamanya pada semangat Konfusianisme seperti

<sup>43</sup> Sima Guang ialah seorang *jinshi* 进士, yakni calon yang berjaya dalam peringkat tertinggi peperiksaan awam kerajaan. Beliau ialah pegawai tinggi kerajaan dan pernah menjalani gerakan reformasi semasa dinasti Song di bawah pemerintah Shenzong 神宗 (mp 1068-1085), tetapi gagal. Apabila Shenzong meninggal dunia, Zhezong 哲宗 (mp 1086-1100) menaiki takhta dan Sima Guang dilantik sebagai perdana menteri. Walau bagaimanapun, beliau meninggal dunia lapan bulan selepas bertugas sebagai perdana menteri (Cong Yu, 1997: 292). *Jiafan* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 89-152; Yang Jie, 1992: 51-256 manakala *Jiayi* pula boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 153-157.

penekanan pada konsep Tiga Prinsip Kardinal, Lima Hubungan Etika dan lain-lain nilai etika seperti jimat-cermat, kerajinan dan sebagainya. Ringkasnya, matlamat usaha Liu Qingzhi ini ialah untuk mengekal dan mengembangkan tradisi budaya Konfusianisme secara sedaya upaya.

Sebuah ajaran keluarga lain yang bertajuk *Yuanshi Shifan* 袁氏世范 (Teladan Dunia Yuan) dihasilkan oleh Yuan Cai 袁采.<sup>44</sup> Ajaran keluarga ini juga berasaskan kepada semangat Konfusianisme di mana beliau banyak mengambil kata-kata Konfusius untuk menjelaskan pendirian-pendiriannya. Bagi Yuan Cai, cara yang paling asas dalam mengekalkan keharmonian keluarga ialah sikap “tidak bersaing” (*buzheng* 不争). Dalam hal ini, apa yang disarankan ialah: “Bagi manusia, yang paling dihargai ialah sifat bersabar” (人貴能處忍) (*Yuan Cai, Yuanshi Shifan*: “Muqin” “睦亲” [Berbaik-baik antara Saudara Mara]) dan “hidup bersama, harus mempunyai hati yang lapang” (同居相处貴宽) (*Yuan Cai, Yuanshi Shifan*: “Muqin” ). Jelasnya, beliau cuba menggalakkan sifat tidak bersaing untuk diamalkan oleh setiap orang.

Selain daripada ajaran keluarga dinasti Song, ajaran keluarga dinasti Yuan, Ming dan Qing juga dianalisis seperti *Zhengshi Guifan* 鄭氏规范 (Peraturan dan Teladan Zheng)<sup>45</sup> yang dihasilkan pada dinasti Yuan, *Jiajie Yaoyan* 家诫要言 (Kata

<sup>44</sup> Tahun kelahiran dan tahun kematian Yuan Cai tidak diketahui. Beliau juga mendapat pangkat *jinshi* dalam peperiksaan awam kerajaan. *Yuanshi Shifan* yang ditulisnya mendapat pengiktirafan sebagai contoh ajaran keluarga kedua terkenal (家训之亚) selepas *Yanshi Jiaxun* (Cheng Xiaojun, 1996: 158; Shi Xiaogui, 1992: 71). Dengan itu, didapati “bayang” *Yuanshi Shifan* sentiasa boleh dilihat daripada ajaran keluarga yang dihasilkan secara besar-besaran pada dinasti Ming dan Qing (Cheng Jun & Ge Ling, 1991: 3 [prakata]). *Yuanshi Shifan* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 179-221 atau Bao Dongbo, 1991: 165-183.

<sup>45</sup> Penulisnya Zheng Taihe 鄭太和, tahun kelahiran dan tahun kematiannya tidak diketahui. Beliau ialah teladan kepada orang ramai dalam amalan berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa. Dikatakan beliau merupakan ketua keluarga yang amat tegas sekali iaitu beliau tidak pernah melanggar peraturan dalam keluarga. Rumahnya umpama sebuah mahkamah di mana jika anak-cucunya melakukan kesalahan (walaupun kesalahan yang kecil), maka hukuman yang

Kunci Nasihat Keluarga),<sup>46</sup> *Xiaoyoutang Jiagui* 孝友堂家规 (Peraturan Keluarga Dewan Xiaoyou) serta *Xiaoyoutang Jiaxun* 孝友堂家训 (Ajaran Keluarga Dewan Xiaoyou)<sup>47</sup> (perkataan *xiaoyou* berasal daripada *Lunyu* 2.21), *Zhijia Geyan* 治家格言 (Pepatah Mentadbir Keluarga)<sup>48</sup> yang dihasilkan dalam dinasti Qing dan sebagainya.

Ajaran keluarga dinasti Yuan, Ming dan Qing juga mewarisi prinsip-prinsip utama seperti yang terdapat pada ajaran keluarga dinasti Song, iaitu menyarankan semangat Konfusianisme yang mahukan anak cucu berbakti kepada ibu bapa, adik-beradik saling menyayangi demi memperkembangkan lagi perlaksanaan Tiga Prinsip Kardinal dan Lima Hubungan Etika. Apabila semua orang tahu peranan dan tanggungjawab masing-masing, maka akhirnya keluarga dapat diuruskan dengan baiknya.

---

berat akan dikenakan (Cheng Xiaojun, 1996: 182). *Zhengshi Guifan* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 230-244 atau Bao Dongbo, 1991: 292-299.

<sup>46</sup> Penulisnya Wu Linzheng 吳麟征. Tahun kelahiran dan tahun kematian tidak diketahui. Beliau ialah seorang *jinshi* dan merupakan pegawai tinggi di medan peperangan. Beliau mati akibat bunuh diri (Shi Xiaogui, 1992: 119). *Jiajie Yaoyan* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 317-321 atau Bao Dongbo, 1991: 285-291.

<sup>47</sup> Penulis kedua-dua buah ajaran keluarga dan peraturan keluarga ini ialah Sun Qifeng 孙奇逢 (1584-1675). Beliau mendapat pangkat *juren* 举人 dalam peperiksaan awam kerajaan di wilayahnya. Pemikiran beliau berasaskan Konfusianisme iaitu mendapat pengaruh kuat daripada Lu Jiuyuan 陆九渊 (iaitu Lu Xiangshan) dari dinasti Song dan Wang Shouren 王守仁 (iaitu Wang Yangming) dari dinasti Ming (Cheng Xiaojun, 1996: 196). *Xiaoyoutang Jiaxun* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 300-308 manakala *xiaoyoutang Jiagui* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 310-311. Kedua-dua buah ajaran keluarga ini juga boleh didapati dalam Bao Dongbo, 1991: 300-309.

<sup>48</sup> Penulis kepada *Zhijia Geyan* ialah Zhuzi 朱子. Zhuzi bukannya Zhu Xi, tetapi ialah Zhu Bolu 朱柏庐 atau Zhu Yongchun 朱用純 (1617-1688) iaitu seorang pemikir Konfusianisme yang menjalani kajian mendalam tentang tokoh Konfusianisme Cheng Yi dan Cheng Hao. Ajaran keluarga Zhuzi ini terkenal sebagai bahan bacaan asas bagi pendidikan peringkat awal semasa dinasti Qing. Dengan itu, ajaran-ajarannya disebarluaskan secara meluasnya dalam masyarakat dinasti Qing (Liu Dazhi, 1992: 105). *Zhijia Geyan* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 322-323 dan juga dalam Bao Dongbo, 1991: 335-336.

### **3.3 Applikasi Nilai Etika Kekeluargaan Konfusianisme dalam Ajaran Keluarga**

Dalam bahagian ini, tinjauan yang lebih terperinci akan diadakan untuk mengenalpasti apakah ciri-ciri am yang ditonjolkan dalam ajaran keluarga. Kebanyakan ajaran keluarga yang dipilih disimpan di bawah “Pendidikan Keluarga” (家庭教育) bagi “Bidang Sains Sosial” (社会科学类) dalam Congshu Jicheng Chubian 丛书集成初编 (Koleksi Buku-buku Susunan Awal) dan “Bahagian Konfusianisme bagi Cabang Falsafah” (子部儒学类) dalam Siku Quanshu 四库全书<sup>49</sup> (Perpustakaan Lengkap Empat Cabang Pengajian Cina).

#### **3.3.1 Prinsip Kardinal Hubungan Bapa dengan anak:**

##### **Nilai Berbakti (Xiao 孝)**

Ciri yang paling menonjol dalam ajaran keluarga ialah nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa. Nilai ini dipentingkan kerana ia merupakan konsep yang penting dalam pemikiran etika Konfusianisme. Dalam *Xiaojing* 孝经 (Kitab Berbakti), nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa diberi kedudukan yang tinggi, iaitu ia dipandang sebagai:

“*Xiao*, asas kepada segala tingkah laku moral, justerunya semua pengajaran bermula daripadanya.” (夫孝，德之本也，教之所由生也。) (*Xiaojing*: Bab 1)

<sup>49</sup> Siku Quanshu atau Complete Library in the Four Branches of Literature, siap disunting pada tahun 1782, koleksi buku-buku ini merupakan “the world’s longest series of books. The work, comprising four traditional divisions of Chinese learning – classics, history, philosophy, and belles-lettres (经史子集) – contains 3,503 titles bound into more than 36,000 books with a total of 853,456 pages.” (Wu Guanghua, 1997: 1546)

Dalam pandangan tradisi, konsep berbakti (*xiao*) terbahagi kepada pengertian yang sempit dan pengertian yang luas. Definisi yang sempit merujuk tanggungjawab seseorang anak dalam berbakti kepada ibu bapa iaitu berkenaan pemeliharaan ibu bapa dan penghormatan kepada ibu bapa. Contohnya, Zengzi berpendapat bahawa konsep berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa secara asasnya boleh dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu: “Nilai berbakti (*xiao*) yang paling penting ialah penghormatan kepada ibu bapa, keduanya tidak memalukan ibu bapa dan ketiganya berupaya memelihara ibu bapa.” (大孝尊亲，其次弗辱，其下能养。) (*Liji*: “Jiyi” “祭义”)

Definisi berbakti (*xiao*) yang luas pula meliputi aspek lain seperti sumbangan seseorang terhadap masyarakat yang termasuk segala tingkah laku yang berpatutan berdasarkan kehendak dan kawalan masyarakat (Yue Qingping, 1989: 118). Sebagai contoh, merujuk *Xiaojing*, *xiao* juga merujuk kepada nilai berbakti seseorang pemerintah dalam melaksanakan pendidikan moral terhadap rakyat jelatanya (德教加于百姓) (*Xiaojing*: Bab 2); *xiao* bagi seorang pegawai kerajaan merujuk sikap yang tidak sompong sebagai orang atasan (居上不骄) (*Xiaojing*: Bab 10), tidak bertutur di luar lingkungan undang-undang (非法不言) (*Xiaojing*: Bab 4), setia dan patuh serta tidak melakukan kesilapan bila berkhidmat kepada orang atasannya (忠顺不失，以事其上) (*Xiaojing*: Bab 5) dan lain-lain lagi.

Bagi kajian “Konfusianisme dalam kehidupan” ini, definisi berbakti (*xiao*) yang sempit dijadikan tumpuan perbincangan. Konfusius dan Mengzi banyak memperkatakan tentang nilai berbakti (*xiao*) dari segi definisi yang sempit:

“Hari ini, amalan berbakti kepada ibu bapa biasanya merujuk kepada pemeliharaan ibu bapa oleh anak-anak, akan tetapi anjing dan kuda juga dipelihara orang, jadi, jika penghormatan tidak diberi kepada ibu bapa, apa bezanya pemeliharaan ibu bapa dengan pemeliharaan anjing dan kuda?” (今之孝者，是谓能养，至于犬马皆能有养，不敬何以别乎?) (*Lunyu*: 2.7)

“Harta kekayaan tidak cukup untuk menyelesaikan kerisauan, hanya kehendak-kehendak ibu bapa dituruti, baru dapat menyelesaikan kebimbangan mereka …” (富貴，无足以解忧者，唯顺于父母，可以解忧……) (*Mengzi*: 9.1)

Pernyataan di atas menunjukkan pemeliharaan kepada ibu bapa tidak sekadar memberi mereka makan dan minum, tetapi yang lebih pentingnya ialah menghormati ibu bapa dengan hati yang ikhlas. Di samping itu, Konfusius tidak menafikan bahawa ibu bapa juga akan melakukan kesalahan. Jika keadaan ini berlaku, anak-anak tidak harus membiarkannya tetapi anak-anak juga tidak harus memarahi mereka dengan kata-kata yang kasar.

Apa yang patut dibuat ialah menggunakan nada suara yang lembut untuk menasihati mereka. Jika ibu bapa enggan menerima nasihat, anak-anak harus menunjukkan penghormatan juga. Suatu hari nanti, apabila ibu bapa berhati gembira, ulangi nasihat ini dengan suara yang lembut, jika ditegur dan dimarahi ibu bapa, anak-anak harus menerimanya (事父母几谏，见志不从，又敬不违，劳而不怨。) (*Lunyu*: 4.18).

Berdasarkan penekanan di atas, kelihatan ajaran keluarga banyak menggunakan kata-kata Konfusius sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sebagai contoh, penulis ajaran keluarga berikut secara terus terang berkehendakkan anak-cucunya mematuhi tradisi berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa yang disarankan oleh Konfusianisme:

“Manusia tidak boleh tidak berbakti kepada ibu bapa.” (人不可不孝) (*Yuan Cai, Yuanshi Shifan*: “Muqin” )

“Amalan berbakti kepada ibu bapa pentingkan keikhlasan hati.” (孝行贵诚笃) (*Yuan Cai, Yuanshi Shifan*: “Muqin” )

“Apabila belajar berdikari, mestilah berbakti kepada ibu bapa terlebih dahulu, melayani ibu bapa dengan hati yang gembira, tidak berani melahirkan sikap yang sompong.” (戒尔学立身，莫若先孝弟，怡怡奉亲长，不敢生骄易。) (*Liu Qingzhi, Jiezi Tonglu*: Bab 5)

“Apabila ibu bapa melakukan kesalahan, menegur mereka dengan nada yang lembut, kalau tidak dipatuhi, masih perlu menunjukkan penghormatan dan hati yang berbakti ...” (凡父母有过，下气怡色，柔声以谏，谏若不入<sup>50</sup>起敬起孝……) (Sima Guang, *Sushui Jiayi* 淚水家仪 [Tatasusila Keluarga Sushui])

Setibanya dinasti Yuan, Ming dan Qing, penekanan tradisi berbakti kepada ibu bapa diteruskan dalam ajaran keluarga:

“Pendidikan cucu dan anak mestilah mengutamakan nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa dan nilai kewajaran (*yi*).” (子孙为学，须以孝义切切为务。) (Zheng Taihe, *Zhengshi Guifan*)

“Sebagai anak orang, jika hanya sekadar memuaskan kehendak mulut dan badan ibu bapa, bagaimana hati boleh tenang dan senang ...” (人子于父母只养口体，此心何安……) (Sun Qifeng, *Xiaoyoutang Jiaxun*)

Keseluruhannya, nilai berbakti (*xiao*) penting kerana ia mengeratkan lagi hubungan pertalian darah manusia. Selain itu, tradisi berbakti jika diperkembangkan skopnya akan merangkumi juga konsep-konsep seperti “membawa nama baik kepada keluarga dan keturunan” (光宗耀祖), “penyembahan nenek moyang” (祖宗祭拜), “memastikan kesinambungan keturunan” (传宗接代), “berhati-hati mengendalikan upacara kematian ibu bapa berdasarkan adat dan mengingati nenek moyang yang telah jauh meninggalkan kita buat selama-lamanya” (慎终追远), “mewarisi pekerjaan bapa” (子承父业) dan sebagainya. Seterusnya, dua daripadanya dipilih untuk dibuat perbincangan:

### 3.3.1 (a) Membawa Nama Baik kepada Keluarga

Pemikiran Konfusianisme mementingkan kejayaan yang boleh membawa nama baik kepada keluarga, iaitu membanggakan ibu bapa, keluarga dan nenek moyang (Yang Rufu, 1991: 121). Pada zaman dahulu, kejayaan ini biasanya merujuk kepada kejayaan seseorang menempuh peperiksaan awam kerajaan, yang kemudiannya membolehkan seseorang menjadi pegawai kerajaan (学而优则仕) (*Lunyu*: 19.13) untuk memberi sumbangan kepada negara.

Peperiksaan awam kerajaan ini menguji khasnya tentang pemahaman dan penguasaan calon mengenai kitab-kitab Konfusianisme. Dengan itu, pemikiran Konfusianisme disebarluaskan secara meluas dalam golongan pelajar. Kebetulannya, kitab-kitab Konfusianisme banyak memupuk tentang pendirian cita-cita seseorang, jadi, secara tidak langsungnya, ia telah juga memupuk nilai kegigihan dan nilai ketekunan untuk membolehkan kejayaan dicapai seseorang.

Konsep “membawa nama baik kepada keluarga” sering dikemukakan dalam ajaran keluarga:

“Keluarga saya berabad-abad mempunyai nama yang bersih dan baik, yang pentingnya ialah berjimat-cermat, menjaga maruah keluarga.” (我家世名清德, 当务俭素, 保守门风, ..... ) (Liu Qingzhi, *Jiezi Tonglu*: Bab 5)

“Dua orang anak ini jika keupayaannya tidak tinggi, perlu juga perintahkan mereka untuk membaca, belajar menulis dan belajar tentang adat, ... agar tidak menjatuhkan maruah keluarga.” (四郎下面二孩儿, 假如性不高, 亦须勤令读书, 学书、学礼, ..... , 免辱门户也。) (Liu Qingzhi, *Jiezi Tonglu*: Bab 5)

Seseorang jika tidak membawa malu kepada keluarga bererti beliau telah mengekalkan nama baik keluarganya. Membawa nama baik kepada keluarga juga

---

<sup>50</sup> *Sushui Jiayi* boleh didapati dalam Bao Dongbo, 1991: 134-140.

dianggap sebagai salah satu cara berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa kerana nama baik itu sudah pasti akan menggembirakan ibu bapa.

### 3.3.1 (b) Penyembahan Nenek Moyang dan Upacara Kematian

Nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa bukan sahaja perlu dilaksanakan semasa ibu bapa masih hidup, ia juga melibatkan penyembahan kepada ibu bapa dan nenek moyang yang telah meninggal dunia. Konfusius dan Mengzi dengan jelasnya membincangkan hal ini:

“Semasa hidup, melayaninya [ibu bapa] dengan adat (*li*), semasa ibu bapa meninggal dunia, mengebumikannya dengan adat dan menyembahnya dengan adat.”  
(生，事之以礼；死，葬之以礼，祭之以礼。) (*Lunyu*: 2.5)

“Berkabung selama tiga tahun, memakai pakain yang tidak berwarna-warni, mengambil makanan yang ringkas, dari pemerintah hingga ke rakyat jelata, tiga generasi melakukan bersama.” (三年之喪，斂疏之服，干粥之食，自天子达于庶人，三代共之。) (*Mengzi*: 5.2)

Amalan ketataan (*xiao*) kepada ibu bapa bagi Konfusianisme mahukan upacara kematian dilancarkan berdasarkan adat (*li*) yang sedia ada. Upacara kematian tidak perlu diadakan secara besar-besaran, yang dipentingkan ialah perasaan sedih seseorang itu (丧，与其易也，宁戚。) (*Lunyu*: 3.4). Selepas upacara kematian tamat, anak-anak perlu sentiasa menyembah mengikut masa tertentu untuk menunjukkan ingatan terhadap ibu bapa dan nenek moyang.

Ajaran keluarga turut mengikuti tradisi Konfusius ini, iaitu mementingkan kesedihan seseorang dan bukannya kebesaran upacara kematian apabila ibu bapa meninggal dunia:

“Upacara penyembahan amat besar ertiannya, ... upacara kematian pentingkan kesedihan ..., jangan membazir dan ikut adat lama ...” (祭礼重大, ..... 丧礼贵哀, ..... 节浮费而依古礼 .....)(Liu Qingzhi, *Jiezi Tonglu*: Bab 5)

Dalam penyembahan nenek moyang pula, upacara penyembahan diadakan untuk tujuan mengingati mereka yang telah meninggal dunia:

“... Menjelang hari-hari besar, hari-hari perayaan, hari kelahiran atau hari kematian, maka mestilah hadir ke dewan penyembahan untuk menyertai upacaranya, ini kerana tempat ini sentiasa dipenuhi dengan roh-roh nenek moyang, dengan itu ia juga merupakan tempat untuk anak-anak dan cucu-cucu menunjukkan keikhlasan dan penghormatannya, ini ialah hal yang paling penting dalam kehidupan seseorang.” (..... 佳辰会节, 生忌溯望, 得来祠堂瞻礼, 是祖父之魂气常在, 儿孙之诚敬长存也, 只此是人生第一吃紧事。) (Sun Qifeng, *Xiaoyoutang Jiaxun*)

Jadi, sentiasa ingati tarikh lahir orang tua kita bila mereka masih hidup, dan mengingati tarikh mati mereka bila mereka sudah meninggal dunia. Sebagai rumusan, jelasnya, ajaran keluarga dalam memperkembangkan konsep berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa tidak pernah terpesong daripada semangat Konfusianisme.

### 3.3.2 Prinsip Kardinal Hubungan Suami dengan Isteri:

#### Nilai Mematuhi (*Shun* 顺)

Dalam Lima Hubungan Etika, selain daripada hubungan bapa dengan anak, hubungan suami dengan isteri juga dipandang penting dalam sesebuah keluarga. Ahli Konfusianisme dinasti Han, Dong Zhongshu mengemukakan Tiga Prinsip Kardinal di mana salah satunya menyentuh hubungan suami dengan isteri.

Dalam prinsip kardinal suami dengan isteri ini, kehendak asasnya ialah kepatuhan isteri kepada suaminya dalam semua hal (Luo Shijin, 1994: 135). Kehendak kepada kepatuhan (*shun*) ini boleh dilihat daripada *Sanzijing*: “Berkenaan

Tiga Prinsip Kardinal, ... kepatuhan ialah asas kepada hubungan suami dengan isteri.” (三纲者，……夫妇顺。)

Amalan patuh ini merujuk kepada tatasusila yang harus dipatuhi oleh wanita dalam melayani suami khususnya, dan ahli-ahli keluarga suami secara amnya. Tokoh Konfusianisme, Sima Guang dalam *Jiafan*nya mengatakan:

“Sebagai isteri orang, perlu mematuhi enam jenis tingkah laku berakhhlak: Satu ialah lemah-lembut dan patuh kata-kata, dua ialah bersih dan suci, tiga ialah tidak cemburu, empat ialah berjimat-cermat, lima ialah bersopan-santun serta merendahkan diri dan enam ialah rajin.” (为人妻者，其德有六：一曰柔顺，二曰清洁，三曰不妒，四曰俭约，五曰恭谨，六曰勤劳。) (Sima Guang, *Jiafan*)

Kepatuhan wanita ini merangkumi beberapa bahagian. Semua bahagian ini perlu dipelajari sebelum kahwin. *Liji* ada mencatatkan :

“Pada zaman dulu, perempuan yang sudah berkahwin diberi pengajaran selama tiga bulan, ... diajarnya tentang tingkah laku berakhhlak wanita, cara ucapan wanita, wajah wanita, jasa wanita, ... akhirnya terbentuklah kepatuhan wanita.” (古者妇人先教三月，……教以妇德、妇言、妇容、妇功、……所以成妇顺也。) (*Liji*: “*Hunyi*” “昏义” [Prinsip Perkahwinan])

Berdasarkan konsep kepatuhan (*shun*) ini, ajaran keluarga tidak ketinggalan telah mengadakan panduan tertentu untuk diikuti oleh seseorang isteri:

“Jika mempunyai masa lapang, maka perlu bersedia melayani ibu bapa mertua, adik-beradik suami, kakak suami dan lain-lain lagi di tempat kediaman mereka, wajahnya mesti bersopan-santun, mengurus hal mesti berhati-hati, apabila bertutur atau menjawab mesti rendahkan suara dan mengeluarkan suara yang menggembirakan, berhati-hati menjaga makan-minum dan kehidupan mereka ... , tidak berani mengalirkan air mata, tidak berani menghina-hina atau membuat bising di depan ibu mengalirkan air mata, jika tidak diberi kebenaran untuk duduk, maka tidak berani duduk, tidak bapa mertua, jika tidak diberi kebenaran untuk duduk, maka tidak berani keluar.” (居闲无事则侍于父母舅姑之所，容貌必恭，执事必谨，言语应对必下气怡声，出入起居必谨扶卫之，不敢涕唾喧呼于父母舅姑之侧，父母舅姑不命之坐，不敢坐，不命之退，不敢退。) (Sima Guang, *Sushui Jiayi*)

Ringkasnya, ajaran keluarga mahukan wanita mengamalkan Tiga Kepatuhan dan Empat Akhlak iaitu *Sancong Side* 三从四德 (*Three Obedience and Four Virtues*). Tiga Kepatuhan ertinya tiga hal untuk dipatuhi, iaitu: “Patuh kepada bapa sebelum kahwin, patuh kepada suami setelah kahwin dan patuh kepada anak sulung setelah

suami meninggal dunia.” Empat Akhlak pula berkehendakkan wanita baik dari segi “*akhlak* (妇德), pertuturan (妇言), wajah (妇容) dan tugas rumah tangga (妇功)” seperti yang disebut dalam *Liji* sebelum ini.

### 3.3.2 (a) Perbezaan antara Suami dengan Isteri

Mengzi dalam bukunya (*Mengzi*: 13.17) menyatakan bahawa golongan lelaki dan golongan wanita tidak harus mempunyai hubungan yang rapat iaitu *nannu shoushou buqin* 男女授受不亲. Mengzi bukan sahaja mengenakan syarat ini kepada golongan lelaki dan perempuan secara umum, bahkan untuk suami isteri, Mengzi juga mahukan mereka mengetahui perbezaan tanggungjawab yang wujud antara mereka iaitu *fufu you bie* 夫妇有别.

Perbezaan antara suami isteri ini sebenarnya berpunca daripada “perbezaan antara lelaki dengan perempuan” (*nannu you bie* 男女有别):

“Adat membolehkan lelaki dan perempuan mempunyai perbezaannya, dan dengan itu mendirikan apa yang patut dilakukan oleh suami isteri. Bila perbezaan wujud antara lelaki dengan perempuan, maka wujud perbezaan tanggungjawab antara suami dengan isteri, apabila suami isteri tahu tanggungjawab mereka, barulah ayah dengan anak mempunyai hubungan kekeluargaan yang mesra, dan justerunya pemerintah dan menteri tahu kebenaran.” (礼之大体，而所以成男女之别，而立夫妇之义也。男女有别而后夫妇有义，夫妇有义而后父子有亲，父子有亲而后君臣有正。) (*Liji*: “Hunyi” )

Dalam hal ini, apa yang paling membimbangkan Konfusianisme ialah jika perbezaan tanggungjawab tidak wujud antara lelaki dengan perempuan. Jika ini berlaku, maka hubungan antara suami dengan isteri akan dirosakkan, justerunya memutuskan hubungan kekeluargaan yang mesra dan akhirnya etika manusia terjejas (Du Fangqin, 1988: 44).

Antaranya, perbezaan suami dengan isteri terletak pada asas “yang mulia dan yang hina” (尊卑貴賤 atau *superordinate-subordinate*) (Wang Qingshu, 1995: 41-52 & 114-122) iaitu suami disanjung tinggi manakala isteri dipandang rendah. Konsep ini mempunyai pengaruh yang berpanjangan dalam masyarakat Cina tradisi selama beberapa ribu tahun. Asasnya berdiri di atas teori *Yin* dengan *Yang* dan *Qian* dengan *Kun* (阴 阳 乾 坤) yang banyak dibincangkan dalam kitab Konfusianisme seperti *Yijing* (Du Fangqin, 1988: 189).

*Konsep Yin-Yang dan Qian-Kun* antaranya menjelaskan perbezaan sifat yang ada pada lelaki dan perempuan. Perbezaan *Yin* dengan *Yang* ialah:

“*Yin* dan *Yang* mempunyai sifat yang berlainan menyebabkan lelaki dan perempuan mempunyai tingkah laku yang berlainan. *Yang* berdasarkan kegagahannya untuk membentuk etikanya manakala *Yin* berdasarkan kelembutannya untuk penggunaannya, ekorannya, lelaki penting kerana kekuatannya manakala perempuan cantik kerana kelemahannya.” (阴阳殊性，男女异行。阳以刚为德，阴以柔为用，男以强为贵，女以弱为美。) (Ban Zhao 班昭<sup>51</sup>, *Nujie* 女诫 [Amaran Wanita atau *Precepts for Women*]): “*Jingshen*” “敬慎” [Menghormati dan Berhati-hati])<sup>52</sup>

Perbezaan *Qian* dengan *Kun* adalah seperti berikut:

“*Qian*, yang paling kuat dalam dunia ini; *Kun*, yang paling boleh menuruti perintah dalam dunia ini.” (夫乾，天下之至健也；夫坤，天下之至顺也。) (*Yijing*: “*Xici* [Bahagian Bawah]” “系辞下”)

<sup>51</sup> Ban Zhao (kk 49-120) merupakan seorang sarjana sejarah yang menyambung usaha abangnya dalam penulisan *Hanshu* 汉书 (Teks Sejarah Han) bersama Ma Xu 马续. Suami Ban Zhao mati awal, dengan itu, Ban Zhao terpaksa menanggung sendiri beban membesarkan anak tunggalnya. Di samping itu, Ban Zhao juga terkenal dengan keharmonian keluarganya. Pencapaian Ban Zhao telah membolehkan beliau mendapat pujian daripada orang sezamannya (Bao Dongbo, 1991: 4). *Nujie* yang ditulis oleh Ban Zhao boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 3-7 dan juga dalam Bao Dongbo, 1991: 4-10.

<sup>52</sup> Lok Chong Hoe dalam membincangkan konsep *Yin* dan *Yang* mengatakan: “Pemikir-pemikir Cina mempercayai bahawa perkara-perkara yang berlaku atau wujud di dalam kosmos ini berakibat daripada interaksi antara dua kuasa yang berlawan atau bertentangan, iaitu *Yin* dan *Yang* yang mempunyai satu maksud asal. Maksud asalnya ialah cahaya matahari, dan ia juga merujuk kepada (keadaan) cahaya dan terang. Maksud asal *Yin* ialah keadaan tanpa cahaya matahari, iaitu keadaan gelap-gulita. Tetapi konsep *Yang* dan *Yin* diperluaskan, sehingga ia mewakili dua kuasa kosmik. *Yang* mewakili kelelakian, aktiviti, panas, cerah, kering, keras, dan lain-lain lagi. Manakala *Yin* mewakili keperempuan, keadaan pasif, sejuk, gelap, keadaan

Ekorannya, golongan perempuan sejak dilahirkan telah berada pada kedudukan yang amat rendah: “Sejak dahulu kala, jika anak perempuan dilahirkan, maka beliau hanya dibenarkan tidur di bawah katil dan ini dilakukan selama tiga hari.” (古者生女三日，卧于床下。) (Ban Zhao, *Nujie*: “Beiruo” “卑弱” [Kerendahan dan Kelemahan]) Apabila meningkat dewasa, orang perempuan hanya boleh membuat kerja setakat masak-memasak, jahit-menjahit, tenun-menenun sahaja. Mereka tidak dibenarkan mengambil alih sebarang kuasa suami (女子止主中馈, 女红, 纺织事, 不得操夫之权……) (Jiang Yi 蒋伊: *Jiangshi Jiaxun* 蒋氏家训 [Ajaran Keluarga Jiang]).<sup>53</sup> Batasan di atas menyebabkan wanita berada pada kedudukan yang amat rendah sekali. Suami mereka bagaikan “tuhan” yang maha berkuasa manakala isteri hanya menuruti segala perintah demi berkorban untuk keluarga.

### 3.3.2 (b) Kesucian Isteri<sup>54</sup>

Selain itu, ajaran keluarga yang dipengaruhi kuat oleh pemikiran Neo Konfusianisme amat menekankan “kesucian” seorang isteri. Ajaran keluarga mengesyorkan isteri yang kehilangan suaminya harus mengekalkan kesuciannya dengan tidak berkahwin semula<sup>55</sup>. Ahli Neo Konfusianisme seperti Cheng Yi berkata:

---

basah, lembut, dan lain-lain lagi. *Yang* dan *Yin* merupakan dua kuasa yang saling bertindak di dalam kosmos atau alam semesta.” (Lok Chong Hoe, 1998: 30)

<sup>53</sup> Jiang Yi (? - 1688), seorang *jinshi*, juga seorang pegawai kerajaan (Cheng Xiaojun, 1996: 266). *Jiangshi Jiaxun* boleh didapati dalam Xu Shaojin dkk., 1993: 421-426 dan juga dalam Bao Dongbo, 1991: 343-347.

<sup>54</sup> Kehendak kesucian (*zhenjie* 贞节) sebenarnya terdiri daripada dua bahagian. *Zhen* 贞 merujuk kehendak untuk seseorang wanita menjaga “kebersihan” dirinya sebelum berkahwin dan setelah berkahwin. *Jie* 节 pula merujuk kehendak untuk seseorang isteri supaya tidak berkahwin semula walaupun suaminya telah meninggal dunia (Luo Shijin, 1994: 162).

“Mati kelaparan hal yang kecil, hilang kesucian diri hal besar.” (饿死事极小，失节事极大。) (Zhu Xi, *Jinsilu* 近思录 [Catatan Pemikiran Terkini]) Ajaran keluarga menurut pandangan sedemikian menyebabkan kesucian wanita menjadi suatu perkara yang amat penting terutamanya pada dinasti Ming dan Qing. Menyentuh hal ini, cuba kita teliti kenyataan-kenyataan berikut yang terdapat dalam ajaran keluarga:

“Kaum wanita mati bersama suami yang meninggal dunia jika ketiadaan anak, kerana hidup ini tidak bermakna lagi, jadi mengikut jejak suami untuk meninggalkan dunia ini, ... inilah yang dikatakan mengekalkan kesucian wanita, tetapi jika suami meninggal dunia dengan tinggalkan anak lelaki dan anak perempuan yang tidak dipelihara orang, maka isteri merupakan orang yang hanya satu untuk memastikan kesinambungan keturunan suami ...” (妇人家有夫死就同死者，盖以夫主无儿女可守，活着无用，故随夫亦死，这才谓当死而死……才谓之贞节，若夫主虽死，尚有幼女孤儿，无人收养，则妇人一身乃夫主宗祀命脉……) (Yang Zhongmin 杨忠愍, Yangzhongmingong Yibi 杨忠愍公遗笔 [Pesanan Akhir Yang Zhongmin])<sup>56</sup>

Dalam pada itu, *Jiangshi Jiaxun* pula memuji neneknya yang berasal daripada keluarga Zhu 朱 atas kesanggupan menjadi balu sejak berusia 19 tahun. Perbuatannya dalam mengekalkan kesucian diri selama 60 tahun ini memberi nama baik kepada dirinya iaitu beliau dipuji sebagai seorang wanita yang suci dan taat kepada suaminya (外祖妣朱氏，十九岁寡居，……苦节六十年，长斋六十年，贞节妇也。) (*Jiang Yi, Jiangshi Jiaxun*).

<sup>55</sup> Definisi "berkahwin semula" dalam kajian ini merujuk perkahwinan yang diadakan selepas diri seseorang telah berkahwin sebelum ini. Dalam masyarakat Cina tradisi, "berkahwin semula" bagi kaum lelaki dibenarkan sama ada isteri seseorang itu masih hidup atau tidak. Bagi kaum wanita pula, "berkahwin semula" boleh dilihat dari dua segi, pertamanya *conghun* (重婚 atau *bigamy*) bererti "kahwin semula" walaupun suami pertamanya masih hidup, perbuatan ini tidak dibenarkan kerana ia melanggar tatasusila masyarakat Cina; keduanya *gaijia* (改嫁 atau *remarry of a woman*) laitu "berkahwin semula" setelah suami meninggal dunia atau setelah bercerai dengan suaminya. Keadaan kedua ini juga tidak digalakkan dalam masyarakat tradisi kerana seorang wanita yang menjaga kesucian (*shoujie* 守节) seharusnya tidak berkahwin semula walaupun suaminya telah meninggal dunia (Luo Shijin, 1994: 162).

<sup>56</sup> Yang Zhongmin juga bernama Yang Jisheng 杨继盛 (1516-1555). Beliau seorang *jinshi* dan mendapat jawatan di bahagian tentera. Nasib beliau amat malang sekali kerana beliau dihukum mati akibat daripada membongkarkan hal penyalahgunaan kuasa perdana menteri kepada pemerintah dinasti Ming, Shizong 世宗 (mp 1522-1566). Beliau dipenjarakan oleh Shizong dan diseksa dengan teruknya sebelum meninggal dunia (Shi Xiaogui, 1992: 99; Cong Yu, 1997: 298). *Yangzhongmingong Yibi* boleh didapati dalam Bao Dongbo, 1991: 219-225.

### 3.3.3 Hubungan antara Adik-beradik: Nilai Menghormati (*Ti* 恃) (Penghormatan Adik kepada Abang)

Ajaran keluarga mengatakan: “Hubungan bapa dengan anak, hubungan adik-beradik dan hubungan suami dengan isteri merupakan hubungan etika manusia yang paling penting dalam sesebuah keluarga.” (父子、兄弟、夫妇，人伦之大，一家之中，惟此三亲而已。) (Zhang Luxiang 张履祥: *Xunziyu* 训子语 [Kata-kata Menasihati Anak])<sup>57</sup> Dengan itu, selain daripada hubungan bapa-anak serta suami isteri, satu lagi hubungan etika yang amat penting ialah hubungan antara adik-beradik.

*Yanshi Jiaxun* juga menekankan hubungan antara adik-beradik membentuk hubungan yang penting dalam Lima Hubungan Etika:

“Adanya rakyat jelata baru ada suami dengan isteri, adanya suami isteri baru ada adik-beradik, hubungan dalam sesebuah keluarga semua berasal daripadanya. Bermula dari yang terdahulu sehingga 9 generasi, semua juga berasal daripada tiga hubungan ini, dengan itu tiga hubungan ini begitu penting bagi etika manusia, justeru itu tidak boleh dipandang ringan.” (夫有人民而后有夫妇，有夫妇而后有兄弟，一家之亲，尽此三而已矣。自兹以往，至于九族，皆本于三亲焉，故于人伦为重者也，不可不慎。) (Yan Zhitui, *Yanshi Jiaxun*: “Xiongdi”)

Dalam pada itu, *Yanshi Jiaxun* menyentuh akibat buruk jika adik-beradik tidak mesra hubungannya:

“Adik-beradik jika tidak mesra hubungannya, maka anak-anak mereka tidak akan saling menyayangi; jika ini berlaku, maka semua anak muda yang lain dalam keluarga besar ini akan renggang hubungannya dan tidak rapat lagi. Dalam keadaan ini, orang bawahan akan menjadi musuh juga. Dengan itu, walaupun orang yang tidak berkenalanpun akan berani melaku kasar terhadapnya, siapa yang akan menyelamatkannya?” (兄弟不睦，则子侄不爱；子侄不爱，则群从疏薄；群

<sup>57</sup> Zhang Luxiang (1611-1674), seorang ahli Konfusianisme yang mempunyai personaliti yang mulia. Seorang yang peramah, sentiasa melayani anak muridnya seperti kawan. Walaupun beliau pernah mengalami kesukaran hidup, tetapi beliau tetap tidak lupa untuk memupuk sifat diri yang baik (Bao Dongbo, 1991: 321). *Xunziyu* boleh didapati dalam Bao Dongbo, 1991: 321-329.

从疏薄，则童仆为仇敌矣。如此，则行路皆藉其面而踏其心，谁救之哉？) (Yan Zhitui, Yanshi Jiaxun: “Xiongdi” )

Dikatakan adik-beradik pada semulajadinya paling rapat hubungannya, tetapi di dalam suatu keluarga besar, apabila adik-beradik mempunyai isteri dan anak masing-masing, maka biasanya perselisihan akan berlaku menyebabkan hubungan adik-beradik menjadi renggang dan tidak mesra lagi. Dengan itu, ajaran keluarga menasihatkan bahawa:

“Mereka yang berusia lebih tinggi seperti bapa saudara dan abang haruslah peramah orangnya, adik-beradik serta anak kepada adik-beradik perlulah sopan dan patuh kepada kata-kata, ... jangan bergaduh disebabkan masalah wang, jangan menjadi musuh disebabkan hal-hal yang kecil, dengan cara ini, barulah keharmonian boleh dicapai ...” (叔兄慈惠，弟侄恭顺，……无以小财为争，无以小事为仇，使我兄叔之和也 ..... ) (Liu Qingzhi, Jiezi Tonglu: Bab 6)

Untuk mencapai keharmonian dalam hubungan adik-beradik, disarankan adik-beradik harus mementingkan cara-cara berikut:

“Adik-beradik pentingkan sikap saling menyayangi; tinggal bersama pentingkan hati yang berjiwa besar; saudara tua dan saudara muda pentingkan keharmonian.” (兄弟貴相愛，同居相处貴寬，長幼貴和。) (Yuan Cai, Yuanshi Shifan: “Muqin” )

Semangat untuk menjaga hubungan adik-beradik diteruskan oleh ajaran keluarga dinasti Yuan, Ming dan Qing:

“Etika manusia ada lima, antaranya, abang dan adik mempunyai masa yang paling panjang untuk hidup bersama ... jika hubungan mesra, tiada apa-apa kesangsian yang dilahirkan, maka kegembiraannya manalah ada batasannya.” (人伦有五，而兄弟相处之日最长.....若恩意浃洽，猜间不生，其乐岂有涯。) (Zhang Ying 张英, <sup>58</sup> Congxun Zhaiyu 聪训斋语 [Kata-kata Pintar dalam Ajaran Keluarga])

“Bapa-anak, abang-adik, jika semangatnya teguh maka keluarga akan membangun pesat ...” (父父子子、兄兄弟弟，元气固结而家道隆昌，.....) (Sun Qifeng, Xiaoyoutang Jiaxun)

<sup>58</sup> Zhang Ying (1637-1708), seorang *jinshi* pada dinasti Qing. Beliau menjadi pegawai tinggi dalam kerajaan Qing, setelah meninggal dunia, beliau disembah dalam “kuil orang-orang mulia” (贤良祠) (Bao Dongbo, 1991: 348). *Congxun Zhaiyu* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 324-348 dan juga dalam Bao Dongbo, 1991: 348-360.

Pernyataan-pernyataan di atas menyarankan orang-orang yang berasal daripada nenek moyang yang sama seharusnya saling sayang-menayangi, tolong-menolong, faham-memahami antara satu sama lain.

Sebagai rumusan, adik-beradik bak kaki dan tangan, kehilangan kaki atau tangan akan membawa kesengsaraan. Keharmonian antara adik-beradik harus dijaga kerana kegemilangan dan kejayaan sesebuah keluarga banyak bergantung kepada danya. Jika adik-beradik tidak mempunyai hubungan yang baik, sudah pastinya pertengkaran akan berlaku, akhirnya, adik-beradik mungkin menjadi musuh antara satu sama lain.

### 3.3.4 Nilai Berjimat-cermat (*Jian* 俭)

Dalam *Lunyu*, *jian* ialah salah satu nilai etika yang dipuji oleh Konfusius. Lin Fang bertanya tentang asas kepada adat. Konfusius menjawab: “Pertanyaan yang bagus sekali! Bagi adat, berbanding cara pemborosan, saya rela melakukannya secara berjimat-cermat.” (林放问礼之本，子曰：“大哉问！礼，与其奢也，宁俭。) (*Lunyu*: 3.4)

Bagi Konfusius, apabila seseorang itu bersikap membazir, beliau akan kelihatan sompong. Di sebaliknya, jika seseorang bersikap jimat-cermat, beliau akan kelihatan miskin. Walau bagaimanapun, berbanding sikap yang sompong, Konfusius rela kelihatan miskin (孔子曰：奢则不逊，俭则固；与其不逊也，宁固。) (*Lunyu*: 7.36).

Konfusius berkeyakinan bahawa orang yang bersikap jimat-cermat jarang sekali melakukan kesalahan (以 约 失 之 者 鲜 矣) (*Lunyu*: 4.23). Dengan itu, orang yang tidak berperikemanusiaan memang tidak dapat tinggal lama dalam keadaan jimat-cermat yang serba kekurangan (不 仁 者 不 可 以 久 处 约) (*Lunyu*: 4.2).

Konsep berjimat-cermat Konfusius memberi pengaruh yang kuat kepada ajaran keluarga. *Yanshi Jiaxun* dalam membincangkan konsep berjimat-cermat (*jian*) terlebih dahulu merujuk kepada kata-kata Konfusius seperti di atas (*Lunyu*: 7.36), kemudian beliau menjelaskan bahawa nilai *jian* bererti amalan berjimat-cermat yang memenuhi kehendak tatasusila (*li*) (俭 者, 省 约 为 礼) dan seseorang itu harus bersikap jimat-cermat tetapi tidak kedekut (俭 而 不 客) (*Yan Zhitui, Yanshi Jiaxun*: “*Zhijia*” “治家”).

Selain itu, Sima Guang dalam sebuah tulisan kepada anaknya Sima Kang 司馬康 yang bertajuk “Xunjian Shi Kang” “训俭示康” (Pengajaran Kejimatan kepada Anak Bernama Kang) juga banyak merujuk kepada kata-kata Konfusius:

“Orang secara amnya berasa bangga terhadap pemborosan, tetapi hati saya memandang sikap jimat-cermat itu satu kecantikan. Orang semua ketawakan saya hidup susah, saya tidak berfikir sedemikian, tetapi menjawab bahawa: ‘Konfusius pernah berkata bahawa berbanding sikap yang angkuh dan kurang bersopan, saya rela hidup sederhana dan kelihatan miskin’, kata Konfusius lagi: ‘Jarang-jarang terdapat orang yang melakukan kesalahan disebabkan sikap berjimat-cermat.’ Juga, Konfusius mengatakan ‘seseorang jika bercita-cita untuk mencapai kebenaran tetapi berasa malu terhadap baju buruk dan makanan buruk, kita tidak perlu banyak membincang dengannya.’ Orang dahulu menganggap nilai etika berjimat-cermat (*jian*) sebagai satu kecantikan, tetapi orang kini memandang sikap berjimat-cermat (*jian*) itu memalukan, hairan betul!” (众人皆以奢靡为荣，吾心皆以俭素为美。人皆嗤吾固陋，吾不以为病，应之曰：“孔子称‘与其不逊也宁固’，又曰：‘以约失之者鲜矣。’又曰：‘士志于道而耻恶衣恶食者，未足与议也。’”古人以俭为美德，今人乃以俭相诟病，嘻，异哉!) (Sima Guang, “Xunjian Shi Kang” )

Ajaran keluarga yang lain juga mendapat pengaruh daripada pemikiran Konfusius dan masing-masing mahukan anak-cucu mereka mengamalkan sikap jimat-cermat (*jian*) kerana “hanya jimat-cermat merupakan amalan yang terbaik.” (唯是节

俭一事，最为美行) (Zhao Ding 赵鼎<sup>59</sup> Jiaxun Bilu 家训笔录 [Catatan-catatan Ajaran Keluarga])

Selain itu, Pang Shangpeng 庞尚鹏<sup>60</sup> dalam *Pangshi Jiaxun* 庞氏家训 (Ajaran Keluarga Pang), Bab “Jin Shemi 禁奢靡” (Melarang Pembaziran) kuat menyeru anak-cucunya untuk mengamalkan prinsip berjimat-cermat (俭约为贵). Dalam bab ini, beliau banyak merujuk kepada tulisan Sima Guang yang bertajuk “Xunjian Shi Kang”. Pang Shangpeng telah menetapkan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh ahli-ahli keluarganya terutamanya bagi aspek makan, minum, pemakaian, keraian dan sebagainya agar keturunannya tidak dijangkiti sikap boros orang-orang pada masa itu.

Bagi aspek berjimat-cermat, Zhuzi mengemukakan pepatah-pepatah (格言) yang terkenal dalam *Zhijia Geyan* seperti berikut:

“Makan bubur makan nasi, perlu kita ingat penghasilannya tidak mudah sekali.” (一粥一饭，当思来之不易。)

“Belum hujan sediakan payung, jangan kehausan baru menggali perigi.” (宜未雨而绸缪，勿临渴而掘井。)

“Diri sendiri mesti tahu berjimat-cermat, jangan belanja makan secara tiada batasan.” (自奉必须俭约，宴客且勿流连。)

Zeng Guofan 曾国藩 (1811 – 1872), seorang jeneral tentera pada dinasti Qing, berulang kali mengingatkan anaknya untuk berjimat-cermat dan tekun belajar:<sup>61</sup>

<sup>59</sup> Zhao Ding (1085-1147), seorang *jinshi*, pernah menjadi perdana menteri untuk kerajaan Song Selatan (Bao Dongbo, 1991: 149). *Jiaxun Bilu* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 164-167 dan juga dalam Bao Dongbo, 1991: 149-152.

<sup>60</sup> Pang Shangpeng (tahun kelahiran dan tahun kematian tidak diketahui) ialah seorang *jinshi*. Apabila menjadi pegawai kerajaan, beliau dihormati rakyat jelata kerana kesanggupannya menentang orang jahat (Bao Dongbo, 1991: 229). *Pangshi Jiaxun* boleh didapati dalam Bao Dongbo, 1991: 229-239 atau Xu Shaojin dll., 1993: 268-278.

<sup>61</sup> Zeng Guofan banyak menulis surat keluarga (家书) untuk anak-anaknya. Oleh kerana beliau mempunyai cara yang baik dalam mendidik anak-anaknya, mereka akhirnya menjadi orang

“Dari penjimatan ke pemborosan senang, dari pemborosan kembali ke penjimatan sukar.” (由俭入奢易，由奢入俭难。) (*Zengwenzhenggong Jiaxun* 曾文正公家训 [Ajaran Keluarga Zeng Guofan]: “Zhi Jihong 致纪鸿” [Kepada Jihong])

“Tekun berusaha dan jimat-cermat tiada yang tidak berjaya, sompong, boros dan malas tiada yang tidak gagal。”(勤苦俭约未有不兴，骄奢倦怠未有不败。) (*Zengwenzhenggong Jiaxun*: “Zhi Jihong” )

Sebagai rumusannya, konsep berjimat-cermat (*jian*) dalam ajaran keluarga memang mendapat pengaruh yang kuat daripada pemikiran Konfusianisme. Keseluruhannya, nilai berjimat-cermat amat penting dalam ajaran keluarga kerana ia dipandang sebagai salah satu cara untuk membalas budi baik ibu bapa dan nenek moyang:

“Berfikir tentang tanggungjawab sebagai anak orang, agar membalas budi bapa dan datuk, ... caranya hanya empat, satu ialah mendirikan budi pekerti yang baik, keduanya ialah belajar, ketiganya ialah menjaga kesihatan badan dan keempatnya berjimat-cermat dalam perbelanjaan。”(思尽人子之责，报父祖之恩，.....唯有四事，一曰立品，二曰读书，三曰养身，四曰俭用。) (*Zhang Ying, Congxun Zhaiyu*)

### 3.3.5 Memupuk Cita-cita

Konfusius berkehendakkan orang mendirikan cita-citanya. Bagi Konfusius, cita-cita yang paling bermakna dan murni ialah mengejar kebenaran dalam hidup ini. Konfusius berkata:

“Dirikan cita-cita pada kebenaran (*dao*), berasaskan pada etika (*de*), bergantung kepada perikemanusiaan (*ren*) dan berhibur dengan membaca Enam Klasik。”(子曰：  
“志于道，据于德，依于仁，游于艺。”) (*Lunyu*: 7.6)

Bagi Konfusius, *dao* (kebenaran) itu harus dijadikan cita-cita tertinggi kerana ia amat penting sekali sehingga “jika pagi mengetahui kebenaran, maka meninggal

---

yang berguna (Xu Shaojin dll., 1993: 613). *Zengwenzhenggong Jiaxun* boleh didapati dalam Bao Dongbo, 1991: 402-425.

dunia pada malam itu pun tidak akan menyesal.” (子曰：“朝闻道，夕死可矣。”)

(*Lunyu*: 4.8)

Pendirian cita-cita amat penting untuk menentukan haluan hidup seseorang agar diri orang itu tidak terapung ke sana sini:

“Orang biasa harus mendirikan cita-cita terlebih dahulu, cita-cita jika tidak ditentukan, maka hidup ini akan melayang ke sana sini, …” (凡人须先立志，志不先立，一生通是虚浮，……) (*Yao Shunmu* 姚舜牧,<sup>62</sup> *Yaoyan* 药言 [Kata-kata Nasihat])

“Setiap orang perlu mendirikan cita-citanya. ... Jika tidak mendirikannya awal-awal lagi, maka dalam pertengahan jalan tidak ada haluan yang tetap, dengan itu apa-apa saja boleh dibuat, akhirnya menjadi manusia yang dihina orang. Orang lain akan memandang rendah dan benci terhadapnya.” (人需要立志……若初时不先立下一个定志，则中无定向，便无所不为，便为天下之小人，众人皆贱恶你。) (*Yang Zhongmin*, *Yangzhongmingong Yibi*)

Menjadi orang yang terpelajar merupakan cita-cita yang tinggi dalam pemikiran Konfusianisme. Untuk mencapai cita-cita ini, caranya ialah banyak membaca, terutamanya membaca kitab-kitab Konfusianisme seperti Empat Buku dan Lima Klasik<sup>63</sup>). Kitab klasik sentiasa memberi penekanan kepada kepentingan membaca:

“Tiga hari tidak membaca, maka kebenaran tidak berada dalam ingatan dan muka menjadi amat terhina, bila bertutur tidak terasa apa-apa ertiinya.” (古训云：“三日不读书，则理义不交于胸中，便觉面目可憎，言语无味。”) (*Shishuo Xinyu* 世说新语 [*Kisah-kisah Dunia Tafsiran Baru*]; “*Yanyu*” “言语” [Pertuturan])

“Sentiasa mengawal tingkah lakunya, perintahnya untuk membaca kitab-kitab klasik, menasihatnya dengan nilai-nilai etika ...” (切须常加简束，令孰读经子，训以宽厚恭谨……) (*Lu You* 陆游, *Fangweng Jiaxun* 放翁家训 [*Ajaran Keluarga Fangweng*])<sup>64</sup>

<sup>62</sup> *Yao Shunmu*, seorang *juren* pada dinasti Ming. Beliau menjadi pegawai untuk kerajaan, mengasihi rakyat seperti anaknya sendiri, dan beliau terkenal sebagai tokoh Konfusianisme yang mahir dalam Pengajian Pendalilan (Bao Dongbo, 1991: 250). *Yaoyan* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 284-299 dan juga dalam Bao Dongbo, 1991: 250-260.

<sup>63</sup> Lima Klasik (The Five Classics) merujuk *Shijing* 诗经 (*The Book of Songs*), *Shujing* 书经 (*The Book of History*), *Yijing* (*The Book of Changes*), *Liji* (*The Book of Rites*) dan *Chunqiu* (*The Spring and Autumn Annals*).

<sup>64</sup> *Lu You* (1125-1210), seorang patriot yang hidup dalam zaman huru-hara iaitu semasa keruntuhan dinasti Song Utara. Beliau dianugerahkan pangkat *jinshi* oleh pemerintah Song, iaitu Xiaozong 孝宗 (mp 1163-1189). Sepanjang hayatnya, beliau telah menghasilkan sajak sebanyak 9138 buah. Dalam pada itu, disebabkan *Lu You* amat pentingkan pendidikan anaknya, jadi beliau telah menulis lebih daripada 200 buah sajak khas untuk mendidik anaknya (Cheng Xiaojun, 1996: 135; Shi Xiaogui, 1992: 88). *Fangweng Jiaxun* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 168-174 dan juga dalam Bao Dongbo, 1991: 153-160.

Jelasnya, tradisi banyak membaca amat dipandang penting oleh orang dahulu, tradisi ini diwarisi orang Cina berabad-abad lamanya sehingga hari ini.